



Ruang Dalam Rumah Melayu Negeri Sembilan

PENDAHULUAN



AB ini akan membicarakan dan menganalisis beberapa aspek seni bina Melayu, terutama yang berkaitan konsep dan falsafah Melayu di dalam seni binanya, secara umum walaupun fokus bab ini ialah rumah tradisional Negeri Sembilan. Di dalam kajian ini didapati banyak persamaan antara satu tempat dengan tempat yang lain di rantau Melayu ini, terutamanya di Semenanjung sendiri. Jika terdapat perbezaan, hanya di dalam hal-hal kecil yang boleh disifatkan sebagai keragaman atau variasi yang bersifat lokal. Oleh itu perbincangan ini menyentuh juga rumah tradisional Negeri Sembilan dan rumah tradisional Melayu secara keseluruhan, kecuali sedikit-sedikit perbezaan atau kelainan.

Konsep seni bina selalu memperkatakan tentang penyediaan ruang yang terdapat di dalam sesuatu seni bina atau bangunan; apakah makna atau tujuan ruang-ruang itu diadakan, termasuklah peraturan dan pantang larang yang berkaitan dengannya. Manakala falsafah adalah hasil daripada pemikiran yang mendalam terhadap masalah-masalah seni bina, dan penyelesaiannya dapat diterima umum kerana ia mengandungi kebenaran yang bersifat universal dan boleh diamalkan atau dipraktikkan. Ini meliputi bentuk, bahan yang digunakan dan bagaimana saiz, jenis dan bahan itu harus diolah, serta alat yang hendak digunakan untuk pembinaan rumah.

Di dalam proses pembinaan rumah Melayu ternyata terdapat pantang larang dan kepercayaan yang terangkum dalam falsafah seni bina Melayu.

KONSEP DAN FALSAFAH SENI BINA MELAYU

Seni bina Melayu membawa erti yang luas. Ia meliputi semua bentuk bangunan yang didirikan secara tradisional seperti rumah kediaman, rumah ibadat (masjid, surau, madrasah, dan sebagainya.) dan istana. Perbicaraan berikut akan menumpukan kepada konsep dan falsafah rumah kediaman tradisional secara satu persatu. Prinsip atau kaedah pembinaan masjid

tradisional dan istana tradisional kelihatan tidak berapa berbeza dengan prinsip pembinaan rumah kediaman, kecuali dari aspek saiz dan ruang.

Konsep Rumah

Bagi masyarakat Melayu tradisional, rumah ialah tempat kediaman atau tempat tinggal manusia yang dibuat bertiang dan berlantai tinggi, berdingding dan beratap serta ada bertangga untuk naik dan turun. Konsep ini dengan sendirinya menolak bentuk-bentuk bangunan yang lain seperti masjid dan surau (rumah ibadah), kandang dan reban (tempat haiwan ternakan), bangsal, pondok, pundung, dangau, bagan dan sebagainya, iaitu bangunan-bangunan yang ada kaitan dengan pekerjaan dan persawahan atau perladangan. Masyarakat Melayu lama tidak dapat menerima bangunan yang tidak bertiang sebagai rumah, kerana rumah bertiang ini sudah menjadi satu syarat atau identitinya sejak zaman purba, yang dibuktikan dari penemuan arkeologi, '*... the finding in Sumatera also showed prehistoric settlements such as the 'kitchen refuse hill', where in the Epi-Palaeolithic period, people lived in house built on poles on the beach (10,000 B.C.)*'¹

Sebaliknya, sebagai membuktikan asal usul orang Melayu ini dari laut atau bangsa yang ahli di dalam bidang pelayaran, terdapat pula rumah yang tidak bertiang iaitu rumah rakit seperti yang terdapat di Sungai Kelantan, Sungai Pahang dekat bandar Temerloh, dan rumah-rumah perahu Orang Laut dan Orang Akit di pesisiran timur Pulau Sumatera dan Kepulauan Riau dan Lingga.² Namun semua ini dianggap sebagai rumah. Tetapi agak aneh juga, bahagian rumah yang hanya atap yang menganjur ke hadapan rumah yang digunakan untuk menutup tangga daripada panas matahari dan hujan, itu juga dipanggil rumah, iaitu rumah tangga.

Untuk membuktikan betapa pentingnya hubungan rumah dan tangga pula maka ungkapan 'berumah tangga' telah digunakan oleh masyarakat Melayu untuk maksud 'perkahwinan'. Ungkapan ini menggambarkan bahawa betapa eratnyanya antara rumah dengan tangga. Yang pastinya setiap rumah dalam konsep orang Melayu ialah bangunan yang agak tinggi yang semestinya mempunyai tangga. Pendeknya, rumah dalam konsep tradisional ialah bangunan untuk kediaman manusia yang bertiang dan berlantai tinggi, berdingding dan berbumbung. Dan semestinya berpintu dan harus bertingkap.

Untuk membantu pemahaman tentang pelbagai konsep rumah tradisional, disorot beberapa bentuk binaan primitif orang Melayu yang mudah. Ia boleh dianggap sebagai asas atau permulaan evolusi rumah Melayu. Di antara bentuk-bentuk tersebut adalah seperti berikut:

Tumpang

Sebuah tungku yang diperbuat daripada tiga batang kayu kecil, dicantumkan di bahagian atasnya dan diikat. Ia boleh digunakan untuk memasak nasi dan lain-lain dengan menggantungkan periuk pada tali pengikatnya. Ini sesuai ketika penghuninya berada di hutan atau dalam keadaan darurat.

Bumbun

Sejenis pondok berbentuk kun. Ia diperbuat daripada kayu-kayu kecil dan daun-daun kayu. Bumbun digunakan oleh pemikat-pemikat burung, khususnya burung dekut atau punai tanah. Si pemikat duduk di dalam bumbun itu sambil memanggil burung dengan cara meniup sejenis serunai buluh yang mempunyai bunyi burung berkenaan. Bila burung-burung datang memakan umpan di pintu lubang bumbun, lalu ditanjul dari dalam bumbun itu.

Sudung-sudung

Pondok kecil yang diperbuat daripada daun-daun dan ranting-ranting kayu, biasanya tanpa tiang. Jika ia bertiang, tiangnya sangat rendah, kira-kira setinggi orang duduk. Ia digunakan semasa menunggu jerat atau pancing di pinggir hutan atau di tepi sungai.

Bagan

Sejenis pondok yang lebih besar, bertiang empat batang, beratap dan berlantai rendah, kira-kira mudah untuk duduk bertinggung. Ia digunakan sebagai tempat persinggahan oleh para nelayan di tepi laut atau sungai, atau para pekerja hutan untuk berhenti rehat. Bahan atap biasanya daripada daun bertam beranyam atau daun nipah. Pondok bagan ini sudah menampakkan bentuk asas rumah Melayu; iaitu bertiang agak tinggi, berlantai yang memerlukan penyangganya, seperti rasuk, atau gelegar yang mudah.

Pondok Pisang Sesikat

Bentuknya seakan-akan bagan tetapi berlantai lebih tinggi dan memerlukan tangga. Kadang-kadang pondok diberi berdinding mudah. Ada kalanya pondok ini diberi bersengkuap, iaitu sejenis atap tambahan di bahagian hadapannya untuk melindungi panas matahari atau tempias. Biasa juga diperbuat pangkin daripada kayu-kayu kecil di hadapan pondok itu tetapi lebih rendah daripada lantai pondok itu. Pangkin ini digunakan sebagai tangga untuk naik ke lantai atau untuk bertinggung bagi jiran-jiran yang berkunjung. Sengkuap dan pangkin menjadi petunjuk sebagai asas serambi yang terdapat di kebanyakan rumah tradisional Melayu.

Pondok Berbumbung

Jenis ini dipanggil pundung atau dangau.³ Biasanya pondok ini bertiang empat batang yang lebih besar saiznya dan berlantai tinggi antara tiga kaki hingga tiga setengah kaki yang menggunakan rasuk dan/atau berpelancar. Bumbungnya sudah menggunakan sistem alang dan tutup tiang (alang panjang) serta bertunjuk langit dan bertulang bumbung, bergulung-gulung dan berkasau. Semua ini sudah menggambarkan bentuk sebuah rumah yang siap iaitu sebagai asas rumah tradisional Melayu jenis bumbung panjang. Malah bentuk ini memang sudah layak betul dipanggil 'rumah' iaitu 'rumah tiang empat batang'.⁴

Bertolak daripada bentuk-bentuk primitif di atas mungkin dapat diperjelas lagi bahawa rumah tradisional Melayu memang berlandaskan bentuk ini tetapi telah melalui evolusi masa dan keadaan. Bentuk tumang dan bumbun sudah pasti tidak menjadi asas rumah Melayu. Tetapi bermula dari sudung-sudung membawa kepada pondok pisang sesikat, bagan dan pundung, dapat dilihat perkembangannya dari bentuk yang mudah kepada bentuk yang hampir sempurna. Dari sini berkembangnya tahap demi tahap sehingga tercipta rumah-rumah tradisional Melayu masa kini yang cantik dan canggih.


Falsafah di Sebalik Bentuk-bentuk Rumah Tradisional Melayu

Secara keseluruhan, rumah tradisional Melayu termasuk kebanyakan rumah rumpun Melayu di seluruh Nusantara, Negara Thai dan Indo-China, mempunyai persamaan dari segi bentuk dan ciri-ciri asasnya, iaitu:

1. Bertiang dan lantai tinggi dari aras bumi.
2. Bumbung panjang, tinggi dan curam dan bertabir layar.
3. Atap bertingkat.
4. Berserambi atau selasar.
5. Beralas tiang.
6. Konstruksinya menggunakan sistem tebuk dan puting (tanpa paku).

Ada juga rumah-rumah suku bangsa Melayu yang tidak mempunyai kesemua ciri di atas.

Iklm yang hampir sama di seluruh Kepulauan Melayu: suhu yang tinggi, hujan yang lebat, udara lembap, adalah menjadi faktor utama di dalam menentukan ciri bentuk tradisional rumah Melayu. Alam juga memberikan bahan-bahan yang banyak, seperti pelbagai jenis kayu-kayan dan batu-batan dan sebagainya, untuk dipilih dan diolah. Jadi manusia di rantau Melayu ini memanfaatkan bahan-bahan ini dengan menyesuaikan dengan iklim dan keperluan mereka untuk membuat tempat perlindungan.



Rajah 3.1 Falsafah dari bentuk dan ciri-ciri rumah⁵ (Climatic Design of The Malay House)

Dari rajah tersebut dapat dilihat bahawa:

1. Bumbung tinggi dan bahan atau daun-daunan yang digunakan dapat menyejukkan udara di dalam rumah.
2. Atap bumbung yang curam dapat melajukan pengaliran air hujan agar atap tahan lama dan tidak bocor.
3. Bumbung bertingkat jadi penyalir angin di bahagian atas agar tidak pengap.
4. Cucur atap dan layang-layang atap yang lebar dapat menahan tempias dan pancaran matahari waktu tengah hari.
5. Tingkap-tingkap dan pintu-pintu juga kolong dapat memudahkan saliran udara bersih, ke dalam rumah dan di bawahnya.
6. Tiang yang tinggi, menjamin keselamatan daripada banjir dan gangguan serangga atau binatang merayap yang berbisa, dan dapat pula membolehkan cahaya matahari menyinari bahagian bawah rumah bagi mengurangkan kelembapan.
7. Terdapat alas tiang yang berfungsi untuk menjaga pangkal tiang dari-

pada kelembapan dan dapat mencegah pereputan juga untuk mengelakkan serangan anai-anai.

8. (Tambahan) kecuraman atap yang berbeza (hujung cucuran atap bumbung melentik sedikit⁶ untuk mengurangkan kecuramannya kira-kira selari dengan atap serambi/kelek anak yang lebih tara,⁷ adalah bertujuan untuk mengurangkan kelajuan aliran air hujan agar mencurah lebih jauh daripada kaki tiang.

Konsep Ruang Rumah Melayu dan Perkembangannya

Seni bina secara mudah adalah usaha manusia menyediakan ruang untuk kediamannya. Ruang yang dimaksudkan ialah ruang tiga dimensi iaitu ruang yang mempunyai bahagian panjang, lebar dan tinggi. Bagi orang Melayu primitif, konsep ruang mereka mungkin bertolak daripada konsep pundung iaitu mempunyai empat tiang, empat penampang dinding, berlantai tinggi dari tanah dan berbumbung bentuk lipat kajang.⁸ Bila timbul keperluan untuk ruang yang lebih luas, maka orang Melayu akan menyebar ruang rumahnya dua kali ganda dengan hanya menambah dua batang tiang lagi. (Lihat lakaran bersiri Rajah 3.2), yang menunjukkan perkembangan ruang, dari rumah tiang empat batang hingga ke rumah tiang dua belas dan seterusnya.


Apabila jumlah tiang sudah menjadi enam batang, (Rajah 3.2[2]) ia dikenali sebagai 'rumah bujang'. Ini bermaksud bahawa rumah ini sesuai untuk kediaman seorang duda atau janda.⁹ Sebelah daripadanya ruang asal adalah sesuai untuk ruang duduk-duduk dan menyambut tamu, dan sebelah lagi untuk tempat tidur yang disekat hanya dengan kain tabir. Kerja memasak dilakukan di ruang tamu itu. Kedudukan tangga memanglah di hadapan ruang tamu. Rumah tiang enam adalah rumah asas atau ibu rumah.

Bila ruang tambahan diperlukan lagi maka akan ditambah tiga tiang lagi di sebelah belakang rumah tiang enam iaitu (Rajah 3.2[3]) menjadikan jumlahnya sembilan, tetapi tiang tambahan ini adalah lebih rendah daripada tiang yang enam, kerana mengikut kecuraman atap. Ruang ini dikenali sebagai 'kelek anak'. Dengan adanya sembilan batang tiang maka dengan sendirinya terdapat sebatang tiang yang terletak di tengah-tengah rumah. Maka tiang inilah yang dikenali sebagai 'tiang tengah' di Negeri Sembilan dan Melaka, atau 'tiang seri' di negeri-negeri lain. Bagi orang Melayu, tiang tengah ini diberikan kedudukan yang tinggi dan utama. Ia dianggap sebagai pusat atau tulang belakang rumah. Ruang kelek anak ini pada asalnya adalah ruang dapur atau tempat masak memasak atau lebih tepat untuk ruang kaum perempuan, sama ada disekat dengan dinding atau tidak.¹⁰


Ruang tambahan seterusnya ialah penambahan tiga batang tiang di

RUANG DALAM RUMAH MELAYU NEGERI SEMBILAN


1. Rumah T 4




2. Rumah T 6




3. Rumah T 9 (a)




4. Rumah T 9 (b)




5. Rumah T 12




6. Rumah T 12
(Anjung satu)




7. Rumah T 12
(Anjung dua)




8. Rumah T 12 + rumah dapur



9. Rumah T 12
beranjung depan.



10. Rumah T 16/T 20



⊙ = Tiang tengah.

B = Bilik

* / T = Tiang

Rajah 3.2 Konsep ruang dan perkembangannya

bahagian hadapan rumah (Rajah 3.2[4]). Ini membentuk satu ruang memanjang yang tersendiri dipisahkan oleh dinding rumah tiang sembilan tadi. Ruang ini ialah ruang terbuka dan dianggap sebagai ruang bahagian luar. Ia dikenali sebagai 'serambi'. Di Riau dan timur laut Semenanjung, ia dikenali juga sebagai 'selasar'. Ruang hadapan ini adalah sebagai ruang tamu lelaki. Tamu perempuan akan masuk terus ke ruang dalam melalui sebuah pintu. Dengan penambahan ruang serambi ini maka terbentuklah sebuah rumah yang dikenali sebagai rumah tiang dua belas. Rumah inilah yang paling umum terdapat di mana-mana di seluruh Semenanjung.

Dari rumah tiang dua belas (T 12) ini pelbagai penambahan ruang boleh berlaku pula:

1. Paling lazim ialah penambahan ruang dapur. (Rajah 3.2[8]). Biasanya ruang ini merupakan sebuah rumah yang tersendiri, dipanggil rumah dapur yang letaknya selari di belakang rumah ibu. Ia mungkin sama besar dengan rumah ibu atau kecil sedikit. Banyak bukti¹¹ menunjukkan bahawa kedua-dua bangunan itu, di peringkat awal dulu, adalah terpisah tetapi dihubungkan oleh bahagian berlantai lebih rendah dan tidak beratap. Di Melaka bahagian ini biasa berlantai simen yang ditinggikan tetapi rendah sedikit daripada lantai rumah ibu/dapur tanpa atap. Ruang penghubung ini dikenal sebagai 'selang' atau 'pelantar tengah.'

Kini kebanyakan antara kedua rumah ibu dan rumah dapur itu sudah dihubungkan dengan diberi beratap dan bersaluran. Rumah berkembar dua ini dikenali juga sebagai rumah dua bandung.

2. Penambahan di bahagian serambi. Umumnya ditambah satu ruang sebesar separuh ruang serambi di sebelah pangkal (Rajah 3.2[6]). Ruang ini dipanggil 'anjung' di Melaka dan 'pangkal serambi' di Negeri Sembilan.¹² Ada juga rumah yang menambah anjung di sebelah hujung serambi, disebut rumah beranjung dua, yang kelihatan agak sama ukur atau *symmetrical*, yang dianggap *taboo* oleh rakyat jelata di zaman feudal Melayu. Ini termasuk juga penambahan anjung hala ke hadapan serambi.

Penambahan anjung hadapan sudah menjadi suatu kelaziman dewasa ini, terutamanya untuk keperluan ruang perabot (kerusi, meja) bagi ruang tamu.

3. Penambahan bukaan keseluruhan rumah. Ini ialah dengan cara membesarkan ruang rumah T 12 keseluruhannya (ruang serambi, rumah ibu dan kelek anak), dengan menambah empat tiang lagi di bahagian hulu rumah, iaitu bahagian yang terjauh dari tangga hadapan. Dengan ini terbentuklah rumah yang lebih besar dan luas, dikenali sebagai rumah tiang enam belas (T 16). Ruang rumah T 16 ini dapat diperbesar dengan cara menambah empat batang tiang lagi seperti mana di atas. Hasilnya terjadilah rumah yang lebih panjang, dinamakan rumah tiang dua puluh (T 20).

Tidak pernah terjadi penambahan kecil-kecilan dibuat terhadap rumah ibu. Ini menunjukkan rumah ibu itu harus diberikan penghormatan yang tinggi, yang tidak boleh dicatatcederakan. Maksudnya sekali rumah ibu didirikan ia harus kekal sehingga mana ketahanan-nya. Sebarang penambahan ruang boleh dilakukan di mana-mana di bahagian serambi atau rumah dapur. Oleh itu banyak rumah dapur telah diganti atau diubah beberapa kali, manakala rumah ibunya masih tetap utuh.

4. Penambahan terakhir ialah di bahagian bumbung, iaitu dengan membubuh lantai seluruh atau sebahagian atas rumah ibu. Ini dinamakan loteng atau peran.¹³ Loteng adalah suatu pilihan sahaja bagi kebanyakan rumah Melayu. Kebanyakan rumah Melayu Melaka mempunyai loteng. Begitu juga kebanyakan rumah di Negeri Sembilan barat iaitu Rembau dan sepanjang lembahan Sungai Linggi. Terdapat juga loteng tinggi yang dianggap rumah dua tingkat.

Dari penerangan tadi kita dapat gambaran yang jelas bahawa rumah lengkap pada peringkat awal ialah rumah T 12 yang mempunyai tiga zon yang diperlukan oleh budaya Melayu; iaitu:

1. Zon depan — domain laki-laki dan tamu.
2. Zon tengah — ibu rumah, paling penting dan terhormat.
3. Zon belakang — domain perempuan dan tempat masak-memasak.
Dan ciri ini kekal hingga kini di rumah tradisional yang ada.

TATARUANG, PENGGUNAAN DAN FALSAFAHNYA

Di sini akan dibincangkan semua ruang yang berkenaan dengan rumah tradisional, termasuk ruang di luar rumah (kampung dan persekitarannya serta halaman rumah) dan ruang di dalam rumah, termasuk ruang kolong di bawah rumah.

Kampung dan Persekitarannya

Seperti yang telah disentuh, rumah-rumah tradisional terletak di dalam kampung tradisional. Kampung adalah tempat tinggal kelompok-kelompok orang Melayu. Hanya suku Melayu yang suka hidup berkampung.¹⁴ Sebuah kampung itu terdiri daripada beberapa buah rumah yang tidak tetap bilangannya. Kedudukan rumah-rumah itu sering berhampiran dengan sawah yang biasanya terdapat aliran sungai atau anak-anak sungai.

Orang Melayu berk komuniti dalam bentuk kampung dan sesebuah keluarga mempunyai rumah masing-masing. Fenomena ini boleh diandaikan kepada asal usul orang Melayu purba yang suka belayar dan tinggal di dalam rumah-rumah perahu atau rumah rakit yang semestinya berasing-

asing tetapi berkelompok-kelompok. Keadaan ini bagi menjaga keselamatan daripada serangan musuh dari kelompok lain. Ciri ini juga dapat dilihat pada rumah-rumah panjang suku dayak di Kalimantan di mana beberapa buah rumah keluarga disatukan di bawah satu bumbung yang panjang.¹⁵

Seperkara lagi, orang Melayu tidak suka tinggal beramai-ramai dalam sesebuah rumah. Ini terlihat di dalam pepatah Melayu, khususnya di Negeri Sembilan, 'biar banyak rumah jangan banyak serumah'. Ini adalah untuk mengelakkan perselisihan faham atau bermasam muka antara anggota keluarga yang ramai itu. Pepatah juga menyatakan 'Jauh bau bunga, dekat bau tahi' yang membawa maksud yang seakan-akan sama. Bila berlain rumah itu suasana kemasyarakatan mereka jadi lebih harmoni. Hal ini sesuai dengan perbincangan adat berikut:

Sekampung sehalaman,
Sehalaman sepermainan,
Seperigi sepermandian,
Sejamban setepian,

Duduk berpelarasan
Dekat rumah dekat kampung
boleh pinta-meminta
Sakit pening jenguk-menjenguk¹⁶

Kenyataan orang Melayu suka berumah sendiri-sendiri ini memang jelas terlihat hingga ke hari ini, sama ada di kampung mahupun di kawasan-kawasan bandar.

Halaman

Setiap rumah tradisional Melayu harus mempunyai halaman, iaitu kawasan lapang di sekeliling rumah. Ia merupakan tanah bertarah tanpa rumput dan sering disapu setiap hari. Halaman muka atau hadapan adalah paling utama dan semestinya lebih lapang. Halaman di kiri kanan rumah agak kurang lebar, dan di bahagian belakang rumah lebih sempit dan kurang diberi perhatian. Di sekeliling sebelah luar halaman ini barulah terdapat kawasan yang berumput dan tanam-tanaman herba, rumpun-rumpun pisang, pokok buah-buahan dan lain-lain.

Halaman mesti bersih, tidak berumput atau bersampah. Keadaan begini pasti menerima hakisan setiap kali hujan lebat. Orang Melayu nampaknya kurang mengambil berat terhadap kesan hakisan ini. Untuk mencegah hakisan ini mereka akan mengambarnya dengan membubuh atau menyusun batu-batu atau meletakkan batang-batang kayu di bahagian yang rendah.

Kepentingan halaman tergambar di dalam ungkapan harian Melayu 'kampung dan halaman'. Jika disebut seseorang itu tidak berkampung halaman, ini bererti bahawa orang itu tersangat miskin dan hidupnya melarat.

Falsafah halaman mengandungi unsur-unsur estetika. Ia kelihatan cantik dan lapang, dan bertambah cantik lagi bila banyak ditanam bunga-bunga di sekeliling halaman itu. Memang telah jadi tradisi orang Melayu menghiasi halaman rumahnya dengan bunga-bunga dan herba untuk kegunaan perubatan.¹⁷

Dengan adanya halaman yang luas maka terjauhlah penghuni rumah itu daripada serangan serangga perosak dan binatang kecil yang berbisa.


Selain daripada itu, halaman juga berfungsi sebagai gelanggang permainan kanak-kanak untuk permainan galah acah, gasing, guli, konda kondi dan seabgainya. Ia juga dijadikan gelanggang pencak silat anak-anak muda. Ketika majlis perkahwinan dan helat jamu, halaman menjadi tempat menyambut rombongan pengantin,¹⁸ tempat didirikan penangguh atau khemah, tempat orang-orang adat menjalankan acara adatnya. Di dalam penangguh, dipasangkan tabir langit-langit, sebelum naik ke serambi untuk acara seterusnya di hujung serambi.

Tataruang dan Tatacara Pergerakan di Dalam Rumah

Ruang-ruang rumah tradisional Melayu secara prinsip dibahagi kepada tiga bahagian: depan, tengah dan belakang.

Dari rajah di atas kelihatan kedudukan tangga hadapan yang dianggap tangga utama dan rasmi. Biasanya ia tidak terletak di tengah-tengah, melainkan di sebelah hilir dan di situ lah dianggap pangkal serambi. Pintu utama untuk masuk ke ruang rumah ibu terletak agak ke hulu sedikit dari pintu serambi tadi, namun masih juga di sebelah hilir, jarang terdapat pada bahagian tengah betul. Hujung serambi terletak jauh ke hujung sebelah hulu.¹⁹ Begitu juga letak bilik di dalam rumah itu semestinya di sebelah hulu juga, dan jika ada bilik di serambi, maka letaknya mestilah di pangkal serambi, sebelah hilir. Kenyataan ini adalah benar bagi rumah-rumah tradisional Negeri Sembilan.

Daripada kedudukan pintu, tangga hadapan dan ruang-ruang bilik di atas menjadikan reka bentuk rumah tradisional Melayu kelihatan seolah-olah tidak sama ukur atau *asymmetrical*. Hanya istana-istana raja saja yang agak sama ukur; namun tangga depannya masih juga terletak agak ke sisi. Susun ruang yang tidak sama ukur memberikan tumpuan ke sebelah pihak saja, sedangkan yang sama ukur memberikan tumpuan kepada dua arah, ke kiri dan ke kanan. Ini akan menimbulkan rasa ketidakpastian, yang mana pangkal yang mana hujung. Dalam susun ruang yang tidak sama ukur, orang yang naik dari tangga serambi tidak akan terasa ragu-



Rajah 3.3 Tataruang rumah Melayu dan pergerakan di dalamnya

ragu ke mana hala yang akan dituju. Jika dia seorang tamu terhormat, dia akan terus menuju ke hujung serambi dan dijangka duduk agak di tengah ruang serambi, membelakangkan rumah, menghadap ke luar (ke halaman), kecuali semasa diadakan majlis keramaian, kenduri dan lain-lain. Jika orang yang naik itu adalah seorang anggota keluarga rumah itu, dia akan terus masuk ke ruang dalam rumah ibu atau terus ke ruang rumah dapur. Hanya pengantin baru lelaki sahaja yang boleh masuk terus ke ruang bilik. Memasuki ke tengah rumah ibu, apa lagi ke bilik adalah satu *sanction* atau larangan kepada tetamu bukan anggota keluarga. Tetapi bagi tetamu perempuan pula, biasanya akan naik ke rumah melalui tangga sisi yang terletak di bahagian rumah dapur dan dia akan dilayan di ruang rumah dapur itu (bukan di kelongkong dapur, tempat memasak). Jika dalam majlis rasmi, perempuan boleh naik mengikut tangga hadapan atau tangga sisi, kemudian membelok masuk ke ruang tengah rumah ibu.

Peraturan demikian, menurut Zulkifli Hanafi, adalah kesan pengaruh sosial dan agama. Katanya:

Dalam masyarakat Melayu tingkat sosial dapat dibahagikan kepada dua, laki-laki dan perempuan. Pembahagian ini mewujudkan satu perbezaan jenis tetapi berasaskan satu konsep moral yang tinggi. Dan kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu telah mengukuhkan lagi konsep tersebut. Agama Islam melarang pergaulan bebas antara laki-laki dengan wanita yang bukan muhrimnya. Secara tidak langsung konsep ruang diolah begitu rupa bagi mematuhi maksud di atas.²⁰

Selain daripada faktor di atas, dapat pula diperhati satu kesan dari budaya Melayu sendiri, iaitu menghormati orang tua-tua. Ini terlihat apabila ada orang tua-tua duduk, maka sangatlah tidak manis dan tidak sopan seseorang lalu di hadapannya. Melintas di belakangnya pula, dipercayai seseorang akan terkena ilmu orang itu. Maka itulah sebabnya tamu di serambi duduk ke hujung sedikit agar orang lain atau yang lebih muda tidak melintasi hadapannya. Begitu juga orang perempuan naik di tangga dapur untuk mengelakkan lalu-lalang di hadapan orang lelaki.

Pergerakan di luar pula, susun ruang dan tangga tadi menyarankan tabii asal orang Melayu. Pada zaman dulu, sungai merupakan jalan perhubungan yang penting. Mereka yang datang dari hilir, dari pekan atau dari pangkalan mudik ke hulu, sampai ke tambatan perahu berhampiran dengan rumahnya, lalu mendarat dan menuju ke rumah. Ini adalah susun gerak yang sangat logik bahawa dia menaiki tangga hadapan yang terletak di sebelah hilir rumah. Kalau tangga diletakkan di sebelah hulu, tentulah dia terpaksa mematah balik ke hilir atau ke pangkal serambi. Keadaan begini masih benar apabila sungai telah digantikan perannya oleh jalan raya.²¹

Bilik bujang, jika ada, diletakkan di pangkal serambi, di sebelah hilir. Ia adalah tempat tidur anak teruna. Sementara bilik khas untuk pasangan pengantin baharu diletakkan di dalam rumah ibu sebelah hulu rumah. Kedudukan ini menjadikan letak kedua-dua bilik ini paling jauh. Falsafah dari kedudukan ini ialah untuk menjarakkan bilik dalam rumah ibu dari bilik pangkal serambi. Tujuannya untuk memberi keselesaan kepada pasangan pengantin baharu yang berada di dalam bilik rumah ibu itu agar segala bualan atau perlakuan mereka di dalam bilik, tidak terdengar atau diketahui oleh anak-anak teruna di bilik pangkal serambi. Oleh kerana itulah orang tua-tua dahulu menganggap sumbang jika kedua-dua bilik itu dibina berdekatan.²² Di sini dapat dilihat bahawa orang Melayu sangat menjaga kesopanan dan keselesaan orang lain, khususnya seperti pengantin atau pasangan baharu.

Kawasan hujung serambi ialah yang di sebelah hulu (arah hulu sungai). Ia dianggap lebih mulia.²³ Hulu sungai juga dianggap mulia iaitu tempat bermulanya air jernih atau sumber air yang dipanggil ulu air atau kawasan

pergunungan. Oleh sebab itu, orang tua-tua Melayu menganggap bahagian hulu sebagai tempat mulia. Bilik pengantin atau 'raja sehari' ditentukan di sebelah hulu rumah. Hujung serambi juga ditentukan di sebelah hulu. Semasa majlis kenduri-kendara atau majlis kahwin kawasan hujung atau hulu serambi dipasang kain tabir dan langit-langit. Pengantin lelaki serta pegawai-pegawai syarak dan pembesar-pembesar adat ditentukan tempat duduknya di hujung serambi sebagai tanda memuliakannya.

Serambi

Satu daripada ciri utama rumah tradisional Melayu ialah mempunyai ruang serambi²⁴ memanjang di bahagian hadapan rumah. Ruang ini biasanya mempunyai aras lantai yang lebih rendah daripada aras lantai rumah ibu dan kelek anak. Di Riau dan Terengganu ia dikenali sebagai 'selasar' dan di sesetengah kawasan negeri Melaka ia dipanggil 'sengkuap', (seperti di Alai, Pernu, Umbai dan Sungai Rambai).

Kewujudan serambi dan bentuknya kecil dan memanjang serta mempunyai tingkap yang banyak adalah berpunca daripada budaya atau cara hidup orang Melayu sendiri yang menyesuaikan dengan alam sekitar. Kewujudan serambi terjadi kerana keperluan ruang yang khusus untuk kaum lelaki kerana ruang dalam rumah ibu tertentu bagi perempuan. Pada waktu malam, anak-anak perempuan yang telah dewasa tentulah tidak selamat tidur bercampur dengan anak-anak bujang. Oleh itu anak-anak bujang diarahkan tidur di ruang serambi. Maka, rumah ibu dibuatkan pintu hadapan dan belakang. Waktu malam pintu-pintu itu ditutup dan dikunci.

Merujuk Rajah 3.2, Evolusi rumah Melayu (1) hingga (4), Rajah (5) menunjukkan pondok atap selayar atau pisang sesikat yang telah diberi sengkuap, iaitu atap pendek di bahagian hadapan pondok untuk menahan panas atau tempas hujan. Di bahagian bawahnya pula dibuat semacam pangkin untuk duduk-duduk bagi jiran sebelah yang datang minta air atau bertanya khabar, duduknya mestilah dengan cara bertinggung sahaja. Pangkin ini berfungsi juga sebagai tangga untuk naik ke atas lantai pondok. Besar kemungkinannya daripada idea inilah berkembang secara evolusi sehingga menjadi serambi sekarang.²⁵

Tentang saiz serambi (lihat lukisan rumah-rumah sampel), lebarnya antara 7-8 kaki. Hanya rumah sampel (7) melebihi 9 kaki; mungkin kerana pengaruh Bugis. Kita ambil puratanya sebagai $7\frac{1}{2}$ kaki. Lebar ini sangat sesuai dengan tinggi orang Melayu (5' 4"). Aturan tidur di serambi ialah melintang mengikut lebar serambi. Jadi bila waktu tidur masih ada lagi ruang untuk laluan di sebelah hujung kaki si peridur itu sekiranya diperlukan untuk lalu. Tentang panjang serambi pula sangat sesuai untuk mengadakan kenduri. Jemputan lelaki duduk bersila dalam dua baris sepanjang

serambi hadap menghadap, sebaris menghadap ke luar serambi, sebaris lagi menghadap dalam. Hidangan diangkat melalui ruang tengah di antara dua baris itu.²⁶ Sebelum jemputan datang seluruh serambi dibentangi beberapa helai tikar mengkuang. Bagi serambi rumah T 12 boleh memuat kira-kira enam hidangan (Negeri Sembilan disebut 'jambar'), atau 24 orang.²⁷ Panjang serambi itu ialah dua ruang atau kira-kira 18'; seorang duduk mengambil ruang kira-kira sehasta (18"). Sehubungan dengan ini, tukang-tukang Melayu kelihatan mengambil ukuran sehasta (18") ini untuk lebar setiap keping dinding kembi, sama ada kembi menegak atau kembi yang melintang di pangkal dinding rumah ibu sebelah serambi. (ada yang 22").

Bilangan tingkap yang banyak di ruang serambi, mungkin bertolak daripada asal serambi yang terbuka. Untuk mengekalkan suasana keterbukaan itu maka dibuat tingkap sebanyak mungkin. Mengikut beberapa orang informan di Negeri Sembilan, tradisi mendinding sepuh serambi dan bertingkap banyak ini adalah perkembangan baru, iaitu setelah sumber kewangan lumayan, setelah terbukanya lombong bijih dan wujudnya industri getah. Di Melaka masih terdapat serambi-serambi yang berding rendah seluruhnya. Banyak pula yang berding sebelah hujung sahaja di mana diletakkan katil bujang. Ada juga yang berding sepuhnya dan berjendela banyak. Di Negeri Sembilan kini lebih banyak serambi yang berding penuh.

Kenapa lantai serambi direndahkan dapat dilihat dari dua sudut, pertama dari sudut fungsional iaitu untuk memberi ruang yang lebih lega kepada orang yang berdiri, jika tidak akan jejaklah kepala ke atap yang rendah itu. Sebaliknya, rumah tradisional Negeri Sembilan sengaja direndahkan sehingga terpaksa menundukkan kepala ketika memasuki pintu serambi. Menurut ramai informan, supaya pengunjung atau sesiapa saja yang naik ke rumah mestilah membongkok sedikit sebagai tanda hormat. Satu hal lagi dilihat dari segi psikologi, agar tetamu yang duduk di serambi berasa dirinya lebih inferior walaupun dia sudah berada di atas rumah.

Oleh kerana serambi adalah bahagian yang terletak di bahagian hadapan sekali, maka ia dibuat secantik mungkin. Sesuai dengan konsep kosmos iaitu serambi adalah ibarat bahagian hadapan tubuh manusia, maka ia seharusnya diberi perhatian maksimum. Manusia diciptakan sebagai secantik-cantik ciptaan²⁸ semua deria terletak di bahagian hadapan kepala (mata, hidung, telinga dan bibir mulut). Jadi adalah *instinct* atau naluri pemilik rumah dan tukang-tukang yang memang berjiwa seni itu untuk menghias bahagian hadapan rumah itu selaras dengan ciptaan Tuhan. Muhammad Haji Salleh menulis tentang serambi rumah Melaka, 'Serambi ialah wajah kepada rumah, yang ditunjukkan dalam sifatnya yang tercantik kepada tetamu dan orang-orang lalu di jalan. Oleh itu hiasan diutamakan.'²⁹

Tidak hairanlah kenapa orang Melayu menghias bahagian hadapan rumahnya dengan pelbagai bunga-bunga dan memasang kain langsir pada setiap tingkapnya, khususnya tingkap-tingkap serambi.

Seterusnya Muhammad Haji Salleh menulis, 'Rasa saya estetika rumah Melayu tidak sedikit terdasar kepada keterbukaan serambinya, . . . Estetikanya tidak intens tetapi mengesan dengan menyentuh perasaan kita dengan kehalusannya.'³⁰

Dengan kenyataan-kenyataan di atas terjawablah soalan, 'kenapa serambi Rumah Melayu mempunyai banyak tingkap' manakala rumah ibu dan bahagian lain hanya ala kadar sahaja.

Dari aspek psikologi dan juga falsafahnya, serambi menjadi pengantara yang lembut antara alam di luar dengan alam dalam rumah; orang yang duduk di serambi walaupun sudah berada di ruang dalam rumah namun dia masih dapat merasakan bahawa dia masih lagi sebagai sebahagian penghuni alam kerana pandangannya masih bebas melihat makhluk dan kehijauan tumbuh-tumbuhan di luar. Jika tingkap-tingkap yang banyak ditutup semuanya, penghuni serambi masih lagi dapat melihat alam di luar menerusi tingkap-tingkap pengedan yang memanjang berkisi-kisi sepanjang serambi ataupun menerusi ukiran-ukiran kerawang yang sering dibuat di bahagian atas tingkap dan di dinding-dinding yang bukan tingkap.

Untuk naik ke ruang serambi seseorang terpaksa membasuh kaki di pangkal tangga dan menanggalkan kasut di situ. Kemudian menaiki anak-anak tangga yang biasanya berjumlah lima batang. Sampai di anak tangga bongsu (yang terakhir) dia berdiri dua kaki. Kemudian, sebagaimana di bawah tadi dimulai dengan melangkah kaki kanan, maka untuk melangkah masuk ke ruang dalam serambi mestilah dengan kaki kanan dan membongkok sedikit. Dan yang dilangkah itu ialah sebatang bendul. Implikasi semua perlakuan ini ialah penghormatan dan kepatuhan—hormat kepada rumah dan tuan rumah, patuh kepada ajaran yang baik dan yang berdasarkan budaya Melayu dan agama Islam. Semua dapat dirasai atau dialami secara psikologi oleh si pengunjung rumah itu. Seterusnya bila sudah berada di dalam ruang serambi, sekali lagi secara psikologi, si pengunjung atau tamu itu masih merasai bahawa dirinya masih inferior di samping rasa bangga; rasa rendah kerana berada di dalam ruang yang masih setingkat lebih rendah daripada ruang termulia (rumah ibu), rasa bangga pula kerana sudah dipelawa dan dapat naik ke ruang atas rumah. Dari segi psikologi juga, dapat menaiki tangga itu adalah memberikan kesan atau rasa megah atau kejayaan. Ia dapat merasakan kemuliaan dapat duduk di atas dan suci, apatah lagi setelah dibentangkan tikar putih yang bersih.³¹ Semua ini menggambarkan betapa halusnyanya adab dan sopan di rumah Melayu.

Di dalam setiap pelan rumah-rumah yang dikaji dulu ada ditandakan

pada ruang-ruang serambi: (1) pangkal serambi, (2) tengah serambi dan (3) hujung serambi. Penandaan ini bukan sahaja bermaksud ruang-ruang secara fizikal tetapi juga secara konseptual. Pangkal bermaksud bahagian sebelah hilir di mana biasanya diletakkan tangga utama; tengah ialah bahagian perantaraan pangkal dengan hujung serambi itu; hujung serambi ialah bahagian yang terjauh di sebelah hulu. Ada kalanya nama-nama ini adalah merujuk kepada ruang-ruang secara fizikal, iaitu memang wujud ruang-ruangnya yang berupa anjung pangkal dan anjung hujung, pada setengah rumah. Pembahagian ruang-ruang pangkal, tengah dan hujung ini secara konseptual menyarankan maksud rendah atau tinggi darjat ruang-ruang itu. Seperti yang telah disebut, hujung serambi adalah terminal, tengah neutral dan pangkal terendah. Hal ini disebutkan dalam perbilangan adat: 'Pangkal untuk orang adat, hujung untuk orang syarak dan penghulu'. Kerana itu bakal pengantin lelaki yang akan dinikahkan dan didudukkan di hujung serambi, kerana pada hari itu dia dianggap mulia iaitu 'raja sehari'. Buapak atau datuk lembaga duduk di pangkal atau di tengah serambi semasa 'berkenak' atau membincangkan hal-hal yang bersangkutan dengan adat istiadat. Orang-orang alim atau lebai-lebai serta datuk-datuk yang bergelar di hujung serambi, di mana doa selamat dibacakan. Jika majlis 'berkampung' yakni majlis perundingan antara anggota keluarga terdekat dan jiran-jiran, maka ia dijalankan di ruang serambi seluruhnya dan 'buapak' menjadi pengerusinya. Kaum perempuan duduk di tengah rumah yang kadangkala akan ditanya oleh buapak sekiranya diperlukan. Pendeknya, serambi adalah semacam dewan mesyuarat pada waktu-waktu tertentu.

Serambi ternyata mempunyai fungsi atau kegunaan yang banyak. Sebagai ruang yang dianggap formal, maka acara-acara formal sering dijalankan di serambi mengikut masa dan keadaan yang memerlukan. Berikut satu senarai kegunaan atau fungsi serambi dalam bentuk jadual yang data-datanya diperolehi daripada kaji selidik yang telah dijalankan. Sebenarnya jadual ini memasukkan data fungsi ruang-ruang yang lain, menunjukkan jenis aktiviti yang dilakukan dan di ruang mana, berdasarkan 30 buah rumah yang diambil.

Meneliti jadual tersebut dapatlah dilihat bahawa ruang serambi mempunyai fungsi yang terberat. Oleh itu munasabah jika ianya disimbolkan sebagai tempat lelaki atau suami yang semestinya mempunyai tanggungjawab yang berat dan berdiri di barisan hadapan sebagai pelindung isteri dan anak-anak di belakangnya.

Tengah Rumah, Bilik dan Loteng

Konsep dan fungsi ruang rumah ibu telah banyak disentuh. Ruang di dalam rumah ibu termasuk kelek anak digabungkan, ruang bilik³² di sebelah

Jadual 3.1 Fungsi setiap ruang

<i>Bil.</i>	<i>Jenis aktiviti atau fungsi</i>	<i>Di serambi</i>	<i>Tengah rumah</i>	<i>Bilik</i>	<i>Ruang dapur</i>	<i>Loteng</i>
1.	Tempat makan keluarga	4	1	0	22	0
2.	Tempat tidur (bujang)	22	4	4	0	0
3.	Tempat tidur gadis	0	9	16	0	0
4.	Bersembahyang	12	7	1	1	0
5.	Tempat nikah lelaki	28	1	1	0	0
6.	Letak pelamin	11	15	1	0	0
7.	Tempat pesakit	1	9	1	0	0
8.	Mandi mayat	0	29	0	0	0
9.	Bersalin	0	25	4	0	0
10.	Berkhatan	26	3	0	0	0

hulunya mengambil sebahagian kedua-duanya. Ruang yang tinggal di sebelah luar bilik itu telah dianggap menjadi sebahagian daripada tengah rumah kerana tiadanya dinding pemisah.³³ Loteng atau peran, kawasan atas ibu rumah yang dilantai, biasanya memenuhi seluruh bahagian bumbung. Ruang rumah ibu adalah paling terhormat. Sebagai ibu, ia menanggung tugas atau fungsi paling banyak. Di ruang tengah terdapat sebatang tiang tengah yang dianggap sebagai pusat atau tulang belakang sesebuah rumah. Ia mesti dimulikan, tidak boleh dibuat sembarangan kerana kononnya semangat rumah tinggal di tiang tengah. Ada yang mengasap dengan kemenyan setiap petang Jumaat. Jika ada istiadat menepung tawar, daun-daun penepung tawar itu diikatkan di tiang tengah itu. Kadangkala keris atau tombak pusaka juga diikatkan di situ. Kononnya jika dilakukan perkara-perkara tidak baik di dalam rumah atau pada tiang tengah itu, ia akan mengeluarkan semacam bunyi pada malam Jumaat.³⁴

Ruang tengah rumah, juga digunakan untuk menempatkan orang tua yang sakit tenat. Biasanya diletakkan tilam kecil di tepi dinding bilik, kakinya menghala ke serambi agar terlindung sedikit oleh dinding rumah ibu yang di sebelah serambi. Kalau kain si sakit itu terbuka sedikit tidaklah ternampak oleh anak cucunya yang keluar masuk dari pintu dapur. Apabila si sakit meninggal, maka kedudukannya akan diubah oleh seseorang yang faham, kepalanya di sebelah dinding bilik dan kakinya sebanyak sedikit menghala ke kiblat. Perbuatan ini diistilahkan sebagai 'membujur' mayat. Maksud membujurkan mayat ialah meletakkannya sama selari dengan kedudukan tulang bumbung rumah. Anggota keluarga atau jiran-jiran yang menziarahi, lelaki masuk dari pintu hadapan, perempuan masuk ikut pintu belakang rumah ibu untuk berziarah atau membaca kitab suci.

Mayat akan dimandikan di ruang kelek anak yang bertentangan dengan pintu belakang. Untuk ini, beberapa keping lantai telah sedia dijarakkan sedikit semasa membuat rumah dulu. Lubang-lubang ini memang dicadangkan untuk memudahkan air mandi itu turun. Kemudian mayat dika-fankan di serambi (jika lelaki)

Perempuan yang mengandung akan bersalin di tempat yang sama di kelek anak dengan barituan seorang bidan tradisional. Segala kekotoran bersalin akan dibuang melalui sebuah lubang yang boleh dibuka tutup terletak dekat dengan lubang air tadi. Selepas bersalin, ibu ini diletakkan sama ada di tempat pembaringan orang sakit atau sebelah dinding tepi tingkap.

Anak lelaki dikhatankan di serambi, tetapi sesudah berkhitan dia diletakkan di tengah rumah juga. Sebaliknya jika ramai yang berkhitan, mereka tetap tinggal di serambi untuk beberapa hari.

Pelamin untuk pengantin dibuat dekat dinding bilik dan menghadap tengah rumah atau ke hilir. Tetamu akan duduk di sekeliling pelamin menghadap pengantin. Tetamu lelaki hanya berpeluang meninjau dari luar pintu depan di serambi. Mempelai lelaki dinikahkan di hujung serambi, kemudian dibawa masuk dan disandingkan di atas pelamin. Selepas istiadat bersuap-suap dan sebagainya, kadangkala pengantin dibawa turun ke halaman untuk diarak. Kemudian majlis makan-makan diadakan di dalam bilik di hadapan katil pengantin.

Di sebelah hulu ruang tengah rumah terdapat sebuah bilik. Rumah Melayu pada asalnya tidak berbilik. Tetapi secara konsepsi memang ditentukan ruang khas yang hanya memadam dengan disangkutkan tabir yang boleh disorong tarik mengikut keperluan. Di Melaka dan Linggi termasuk juga Rembau baruh, rumah-rumahnya memang sudah lama mempunyai bilik yang berdinding dan berpintu.³⁶


Bilik di sini bukanlah seperti konsep rumah zaman sekarang. Bilik rumah tradisional adalah kawasan yang sangat *private*, hanya orang tertentu dibenarkan masuk, biasanya pasangan pengantin baru. Pengantin lelaki yang dipanggil 'orang semenda' adalah tetamu istimewa dan bilik itu adalah domainnya. Tamu dari orang luar biasanya tidak dipelawa tidur di dalam bilik itu, kecuali keluarga terapat dan ketika tiada pengantin baru menghuninya.

Bilik yang bersaiz kira-kira 8 x 14 kaki itu biasanya mempunyai sebuah katil di sebelah dinding hala ke serambi. Di bahagian kelek anak dibiarkan lapang untuk ruang bergerak atau tempat meletak hidangan bagi pengantin baru. Masa dahulu, sehingga tahun 1950-an pengantin baru makan berdua-duaan untuk beberapa ketika sehingga dia biasa dengan keluarga mentuanya. Aturan tidur di bilik juga ada ketentuannya, atau disebut orientasinya, iaitu kepala ke hulu (Rajah 3.4).

Sebelum tahun 1950-an, pengantin lelaki dan beberapa orang rakan se-

RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN

bayanya akan dijemput menikmati hidangan 'nasi pengantin' di dalam bilik dan disusun di atas sebuah meja rendah. Pengantin perempuan ditemani oleh mak andam yang juga juru tunjuk yang selalunya pandai berjenaka untuk meriangkan suasana.



Rajah 3.4 Orientasi manusia di dalam rumah³⁶

Rajah tersebut menunjukkan ke mana seharusnya diarahkan kaki/kepala ketika tidur atau ketika sakit dan mati menurut ketentuan budaya Negeri Sembilan:

1. dan 2. kedudukan semasa tidur di serambi,
3. kedudukan tidur di dalam bilik,
4. kedudukan tidur atau orang sakit di tengah rumah,
5. kedudukan mayat (membujur mayat) hendaklah selari dengan panjang atau tulang bumbung rumah atau ke kiblat. Maksudnya muka mayat harus menghadap kiblat.
6. kedudukan semasa mayat dimandikan atau semasa perempuan akan bersalin.

Selepas selesai semua istiadat, pasangan pengantin akan menghuni bilik itu untuk beberapa lama sehingga ada adik perempuan kepada pengantin perempuan itu yang berkahwin.

Loteng pula digunakan sebagai stor untuk menyimpan barang-barang berharga atau antik. Yang terpenting ialah sebuah tetawak. Antara guna tetawak itu ialah untuk dipalu ketika berlaku sebarang kecemasan seperti

samunan dan lain-lain. Anak-anak dara akan tidur di atas loteng ketika bilik pengantin bertunggu.³⁷ Untuk turun naik ke loteng, sebuah tangga yang hampir tegak kedudukannya diletakkan di kawasan kelek anak tepi dinding hilir. Terdapat juga rumah yang tangganya diperbuat daripada buluh dan ringan. Ia boleh diturunnaikkan; bila anak dara telah naik ke loteng, tangga itu dibawa naik ke atas dan diturunkan pagi esoknya, untuk keselamatan.

Dapur

Dapur adalah istilah umum bagi kawasan tempat masak-memasak. Kini ada pelbagai istilah dapur; sebuah rumah sekunder yang agak kecil di bahagian belakang rumah ibu dipanggil 'rumah dapur'. Jika banyak pula ruang-ruang tambahan di sisinya maka ia dikenali juga sebagai 'ibu dapur'. Dan jika terdapat pula rumah ketiga di sebelah belakangnya maka rumah dapur tadi dipanggil pula 'rumah tengah'. Ruang tambahan yang khas untuk kegiatan memasak di mana diletakkan tungku, beratap dan ada lubang asap, dipanggil 'kelongkong dapur'. Di sebelah atau di belakang rumah dapur atau kelongkong dapur ada pula sebuah ruang lantai tanpa atap, dinamakan 'pelantar belakang' atau pelantar air, tempat meletak tempayan-tempayan air untuk membasuh pinggan mangkuk atau buang air kecil.

Ruang rumah dapur digunakan untuk perhimpunan keluarga. Makan beramai-ramai sering diadakan di ruang rumah dapur ini. Tamu perempuan disambut dan dilayan di sini dalam keadaan tidak rasmi. Ruang ini juga menjadi tempat tidur ibu bapa atau kadangkala untuk pasangan lama yang belum sempat membuat rumah sendiri.

Di ruang kelongkong dapur selain diletakkan tungku, ia juga dijadikan tempat meletak pinggan mangkuk yang sering dipakai. Yang jarang dipakai disimpan di atas loteng atau di dalam pak yang terletak di bawah rumah dapur atau di dalam sebuah rumah khas yang dinamakan 'rumah longgok' bersama dengan rumah padi. Zaman ini rumah dapur sering dijadikan tempat menonton televisyen kerana keadaannya lapang tidak berbilik. Pendek kata, bahagian dapur mempunyai pelbagai fungsi dan juga susun ruangnya. Jadi ketentuan-ketentuan adat kurang berlaku di bahagian dapur. Oleh sebab itu ia dianggap sebagai ruang atau zon 'aktif'.³⁸

Kenyataannya, terutama pada masa kebelakangan ini, ruang rumah dapur memang benar-benar menjadi ruang keluarga, kerana kebanyakan anggota keluarga suka duduk-duduk di ruang itu, bertemu dan berbual, bersarapan atau makan, malah baring-bering. Di situ juga senang memperoleh air atau makanan ringan. Kebetulan kini peti televisyen juga diletakkan di ruang dapur. Akibatnya ruang serambi dan tengah rumah selalu lengang, terutama pada siang hari.

Kolong

Di Negeri Sembilan ia biasanya dipanggil 'bawah rumah'. Ruang bawah rumah memang dianggap kurang mulia; di situ tempat ayam itik berkeliaran atau anjing dan kucing membuang najis. Namun ini tidak bermakna ia membazirkan atau sia-sia. Ia adalah ruang yang sangat berguna dan berfungsi, sama ada dari segi seni bina, estetika, mahupun utiliti.

Dari segi utiliti, kolong memberikan kemudahan yang banyak terutama kepada masyarakat desa. Ia digunakan untuk tempat menyimpan kayu api, tempat menyimpan atap-atap yang akan digunakan, menyimpan alat-alat tani seperti bajak, tong banting padi dan juga pak-pak menyimpan pinggan mangkuk. Petarang ayam bertelur atau serkap anak ayam juga sering ditempatkan di bawah rumah. Malah kadangkala binatang ternak seperti kambing dan kerbau juga ditambatkan di bawah rumah. Kolong juga sering menjadi sebagai bengkel. Masyarakat tani meletakkan lesung kaki (indik) dan kisar padi di bawah rumahnya sekiranya rumah padi belum ada. Di pantai timur Semenanjung, kolong menjadi bengkel perusahaan tembaga ataupun tempat orang perempuan bertenun kain songket. Ia juga menjadi tempat para nelayan menyirat atau membubul jala dan jaring atau membuat lukah dan tengkalak. Masyarakat Melayu Kampar, Sumatera biasanya menyimpan perahu-perahu mereka di bawah rumah. Begitu juga pada zaman ini orang menyimpan basikal, motosikal dan motokar di bawah rumah. Pada musim hujan kaum wanita menggunakan kolong sebagai tempat mengampai kain atau lampin anak-anak kecil dan sebagainya.

Dari segi estetika, ruang kosong bukanlah tidak bermakna. Ia diistilahkan *void* atau kosong. Ruang kosong memberikan rasa lega atau lapang yang menyenangkan kepada penghuninya, jika dibersihkan.

KONSEP UKURAN MELAYU


Ukuran dan pengukuran adalah aspek terpenting dalam proses membina bangunan. Ketepatan dan kejituan ukuran, dibantu oleh daya rasa yang tingi, akan menghasilkan bentuk dan proporsi yang cantik dan harmonis.

Apakah sistem ukuran yang digunakan oleh tukang-tukang Melayu masa dahulu tidaklah jelas. *Sejarah Melayu* menjelaskan dengan agak terperinci tentang saiz dan ukuran istana Sultan Mansor Syah yang terbakar itu, '... besarnya istana itu 17 ruang, pada seruang itu tiga depa, besar tiangnya sepermeluk, rasuk istana itu sehasta lebarnya, sejengkal tiga jari tebalnya...' ³⁹

Catatan ini jelas menunjukkan bahawa orang Melayu kira-kira 500 tahun dahulu telah menggunakan ukuran berdasarkan anggota manusia. ⁴⁰ Kenyataannya masih kekal hingga ke hari ini, kerana orang Melayu masih

menggunakan istilah-istilah seperti jengkal, hasta, depa, sejari, ruas jari, pelempap, bilangan tapak, langkah dan sebagainya. Mereka menggunakan ukuran kosmos itu adalah logik sekali; ukuran inilah yang paling dekat dengan dirinya dan paling praktik dengan keperluannya. Dan ketika itu mereka mungkin masih belum mengenal sebarang sistem ukuran yang piawai, seperti ukuran imperial (inci, kaki, ela dan lain-lain), atau sistem metrik yang kita gunakan pada hari ini.

Untuk kajian ini penulis menggunakan sistem imperial, seperti inci dan kaki.⁴¹ Sistem metrik tidak digunakan kerana kebanyakan rumah yang dikaji, adalah menggunakan sistem ukuran imperial. Ini dimulakan dengan memadankan ukuran nisbah anggota manusia dengan ukuran imperial. Padanan dibuat dengan andaian bahawa saiz tubuh orang Melayu di za-



Rajah 3.5 Ukuran-ukuran tradisional Melayu



man Kesultanan Melaka dulu dengan saiz orang Melayu sekarang adalah tidak berubah. Menurut Winstedt, *The Malay is slight built; men are about 5 feet 4 inches, women slightly shorter*.⁴²

Dengan menggunakan ukuran tradisional di atas, tukang-tukang Melayu telah dapat mencipta satu sistem tersendiri, yang mungkin diperolehinya secara evolusi. Kalau orang Jepun berbangga dengan sistem *ken* dan *shaku*⁴³ pada hemat penulis, orang Melayu boleh berbangga dengan sistem 'depa'nya.

Mereka mendasarkan ukurannya kepada saiz atap (rumbia atau nipah). Pembuat-pembuat atap sedar bahawa panjang sebidang atap biasa yang dikehendaki oleh pelanggannya atau untuk kegunaan sendiri ialah sedepa = 6 kaki. Sebenarnya, berasal dari ukuran tradisi sedepa sejengkal (64" tambah 8" = 72" = 6 kaki). Tambahan sejengkal itu sengaja dibuat atau dilebihkan untuk tindihan sambungan atap semasa menaikannya nanti.

Persambungan atap itu boleh diengsot-engsot mengikut panjang atau bukaan sesebuah rumah. Sedangkan bukaan rumah pula adalah mengikut ukuran hasta perempuan yang akan memiliki rumah itu, mengikut petua orang tua-tua. Atap dinaikkan bersusun tindih mulai dari perkakian atap (paling bawah) hinggalah ke perabung. Jarak antara tiap-tiap keping atap itu biasanya sejengkal. Dan satu susunan atap itu dinamakan 'selayar' atap, atau 'sepenaik'. Untuk rumah yang bersaiz tipikal (T 12) tentulah memerlukan empat sambungan atap (empat penaik). Jadilah jumlah panjang semuanya kira-kira 22 kaki, setelah ditolak persambungan atap. Untuk lebar rumah yang sebenarnya terpaksa ditolak dua kaki di pangkal dan dua kaki di hujung keseluruhannya, untuk 'layang-layang atap'. Maka bakinya ialah 18 kaki. Dan itulah lebar bukaan rumah yang sebenarnya. Kerana itu jugalah kilang-kilang papan menyediakan kayu terpanjang berukuran 22 kaki sebagai standard.

Setiap susunan atap yang dinaikkan (sepenaik) memerlukan tiga batang kasau untuk menyangkanya; satu di pangkal atap, satu di tengah dan satu lagi di hujung atau penyambungan atap. Jadi, jumlah kasau yang diperlukan bagi empat penaik yakni rumah T 12, ialah sembilan batang.⁴⁴



K=Kasau, M=Masau, R=Reba, A=Api, T=Tiang, Anak panah kecil: kedudukan kasau betina. Lorek silang sambungan atap. Panjang atap = 6 kaki, tolak selisih sambungan 1/2 kaki = 5 1/2 kaki. (+) Jenis besar

Jadual 3.2 Analisis saiz rumah berdasarkan jumlah sambungan atap

Merujuk kepada Jadual 3.2, untuk memudahkan pengiraan, panjang atap dikira $5\frac{1}{2}$ kaki, iaitu setelah ditolak $\frac{1}{2}$ kaki (6 inci) kerana persambungan yang bertindih. Penolakan lunjuran layang-layang atap kelihatan tidak sama panjang (2–3 kaki) kerana diubahsuai mengikut saiz rumah.

Ukuran Panjang Rumah (Pakan)

Sehingga kini, yang telah dibincangkan ialah bukaan rumah dari kiri ke kanan. Di sini akan disentuh pula saiz bukaan dari hadapan ke belakang. Ini bergantung kepada beberapa faktor. Pertama faktor kekuatan rasuk untuk menanggung berat gelegar dan lantai. Ketebalan rasuk hanya sekitar $1\frac{1}{2}'' \times 5''$ (sejengkal jari telunjuk $\times$ 2 ruas jari). Jika diteliti pelan dan grid rumah-rumah sampel, ternyata bukaan ruang rumah ibu dari hadapan ke belakang adalah kurang daripada bukaan dari kiri ke kanan. Namun ia adalah terbesar antara tiga ruang (ruang serambi kira-kira sedepa sehasta atau tujuh kaki, ruang kelek anak kira-kira sedepa sejengkal atau 6 kaki). Ini pula adalah tertakluk kepada kesesuaian dengan ketinggian aras atap serambi dan kelek anak. Ruang serambi dapat dilebarkan sedikit kerana kedudukan rasuk serambi dibuat lebih rendah daripada rasuk ruang ibu dan kelek anak itu.⁴⁵

Ukuran Ketinggian Rumah

Ketinggian rumah pula banyak bergantung kepada faktor kelegaan ruang dari lantai ke atap yang disesuaikan dengan kecuraman setiap bahagian atap. Biasanya ketinggian ruang lantai ke alang di bahagian rumah ibu adalah sekir $8\frac{1}{2}' - 9\frac{1}{2}'$. Dan tinggi bumbungnya bergantung kepada pengaruh setempat. Bumbung rumah Melaka lebih tinggi daripada rumah Negeri Sembilan. Variasi bumbung juga bersifat setempat dan peribadi (mengikut sajak).

Ruang kolong atau bahagian bawah rumah, umumnya setinggi perempuan yang berdiri (5 kaki) di bahagian bawah rumah ibu, termasuk tinggi alas tiang. Terdapat juga lantai rumah yang lebih tinggi sedikit. Ini untuk memadankan dengan saiz rumah yang besar. Rumah Melayu Riau mempunyai ketinggian lantai yang bervariasi seperti sepemikul, sepenjunjung dan sepenjangkau.⁴⁶ (Lihat Rajah 3.6 bagi keterangan huraian di atas. Lihat juga rumah kajian/sampel No. 4).

Dengan ini jelaslah bahawa orang Melayu mendasarkan saiz atau ukuran rumahnya pada ukuran panjang atap, iaitu sedepa (sama dengan tinggi manusia Melayu, sekitar $5' 4''$). Dan ini diubahsuai mengikut keperluan struktural setiap bahagian rumah dan juga faktor iklim. Tentang angkubah-angkubah yang terdapat pada saiz antara sebuah rumah dengan rumah yang lain semestinya berlaku kerana faktor budaya atau kepercayaan yang biasanya mengambil kira ukuran hasta atau depa perempuan

tuan rumah itu. Walau apapun faktornya, semua ini adalah ciri-ciri Melayu yang sentiasa mengubah suai dan bertolak ansur. Seperkara lagi, secara logik, saiz orang Melayu (dan manusia sejagat) dijadikan tidak sama. Apa yang penting, rumah tradisional Melayu ternyata sangat sesuai dan harmoni ukurannya.

Terdapat juga penggunaan ukuran panjang tapak kaki, terutama oleh kaum wanita bagi mengukur panjang tikar, iaitu kira-kira 10 hingga 12 tahap. Ukuran ini amat sesuai dengan lebar serambi iaitu $7-7\frac{1}{2}$ kaki.

Sehubungan dengan ini dapat dilihat kebenaran di sebalik fatwa yang diberikan oleh kitab *Taj al Muluk*⁴⁷ yang dipegang kuat oleh tukang-tukang tradisional Melayu. Di sini diambil ukuran tulang rumbungan (bumbung?) dan kayu panjang (gulung-gulung). Begini bunyinya:

... maka ambil tali sedepa panjang ampunya rumah itu, maka dilipat tiga maka buang satu lipat maka diambil dua lipat itu dilipat lapan, maka dibuang tujuh lipat. Maka yang satu lipat (itu) diukurkanlah pada bilangan yang delapan itu maka habis maka dimulai pada bilangannya maka dilihat pada syarahnya, jika baik pakai jika jahat buanglah supaya dianugerahkan Allah Taala kebajikan mereka bertambah-tambah sukacita padanya.

Pertama ukuran naga alamat rumah itu pindah-pindahan,
Kedua asap alamat beroleh dukacita, tiada kebajikan,
Ketiga singa alamat lepas dari merbahaya,
Keempat anjing alamat perkelahian, maha nahas,
Kelima lembu, alamat kebajikan bertambah-tambah dan sempurna harta datang sendirinya,
Keenam keldai alamat akan hilang harta, maha nahas dan dukacita,
Ketujuh gajah alamat akan beroleh kebajikan, sukacita padanya dan berkat,
Kedelapan kako (gagak) maka nahas, setelah terdiri tiangnya yang ampunya rumah itu mati dan rumah itu tiada akan sudah, wallahuaklam.⁴⁸

Diteliti syarah di atas, hanya bilangan tiga, lima dan tujuh yang membawa maksud baik. Tentang aturan mengukur dan melipat-lipat tali itu, saya telah menganalisisnya, iaitu dengan mengandaikan depa perempuan sebagai 5 kaki 3 inci (63 inci). Bila diikuti arahan kitab ini, maka didapati lipat yang akhir yang dikehendaki itu ialah 6 inci atau setengah kaki. Dan siri hitungannya adalah seperti berikut:

Jadual 3.3 Analisis ukuran rumah (menurut *Taj al Muluk*)

Kaki:	00	$0\frac{1}{2}$	01	$1\frac{1}{2}$	02	$2\frac{1}{2}$	03	$3\frac{1}{2}$	04	$4\frac{1}{2}$	05	$5\frac{1}{2}$	06	$6\frac{1}{2}$	07
Hitung:	0	1	2	<u>3</u>	4	<u>5</u>	6	<u>7</u>	8, 1	2	<u>3</u>	4	<u>5</u>	6	
Kaki:	$7\frac{1}{2}$	08	$8\frac{1}{2}$	09	$9\frac{1}{2}$	10	$10\frac{1}{2}$	11	$11\frac{1}{2}$	12	$12\frac{1}{2}$	13	$13\frac{1}{2}$	14	
Hitung:	<u>7</u>	8,	1	2	<u>3</u>	4	<u>5</u>	6	<u>7</u>	8,	1	2	<u>3</u>	4	

RUANG DALAM RUMAH MELAYU NEGERI SEMBILAN


Kaki: $14\frac{1}{9}$ 15 $15\frac{1}{9}$ 16 $16\frac{1}{9}$ 17 $17\frac{1}{9}$ 18 $18\frac{1}{9}$ 19 $19\frac{1}{9}$ 20 $20\frac{1}{9}$

Hitung: 5 6 7 8, 1 2 3 4 5 6 7 8, 1

Kaki: 21 $21\frac{1}{n}$ 22 $22\frac{1}{n}$ 23 dan seterusnya.

Hitung: 2 3 4 5 6...

Angka yang dikatakan membawa alamat baik, 3, 5 dan 7 telah digaris di bawahnya. Maka di sini kita lihat angka yang paling hampir kepada saiz rumah Melayu yang berdasarkan panjang atap kira-kira 6 kaki itu ialah 18 kaki bagi rumah tiang 12. Menurut *Taj al Muluk*, jika ukuran 18' jatuh pada hitungan empat (anjing) maka ia tidak baik. Jadi, apa yang perlu dibuat oleh si tukang yang patuh, ialah dengan mengalih ke angka atau ukuran $17\frac{1}{2}$ kaki atau $18\frac{1}{2}$ kaki (singa dan lembu). Ini sungguh memeranjatkan kerana memang itulah kenyataannya saiz rumah tiang 12 iaitu antara $17\frac{1}{2}$ – $18\frac{1}{2}$ kaki; ukurannya memang biasa ditolak ansur untuk mencari keserasian. Kesimpulannya fatwa yang diberikan oleh kitab *Taj al Muluk* itu adalah bersesuaian dengan amalan tukang-tukang Melayu selama ini.



Rajah 3.6 Lukisan saiz rumah dan penggunaan ruang mengikut saiz orang Melayu

Keterangan:

Lukisan pada Rajah 3.6 berdasarkan rumah tradisional Negeri Sembilan stail Rembau, lebih kurang mengikut skala. Garisan putus-putus adalah bayangan bentuk rumah Melaka. Bayangan orang di atas loteng menunjukkan ia berdiri di atas lantai 'gotoh' kerana banyak rumah di Negeri Sembilan yang memasang lantai lotengnya pada aras gotoh. Pintu serambi dan pintu ke dapur rumah Negeri Sembilan rendah (kira-kira $4\frac{1}{2}$ kaki atau kurang); untuk keluar masuk terpaksa membongkok sedikit.

Gambar sudut atas:

Ukuran/proporsi manusia secara anggaran. Di sini dibuat kira-kira dua kali saiz orang dalam gambar di dalam rumah. Bagi orang Melayu, punggung adalah sama tengah (centre); jika orang berukuk atau berlunjur, hujung kepala dan hujung kaki adalah sama panjang dan mesti diambil kira dalam menentukan bukaan ruang.

Ukuran depa yang penulis ambil (63 inci) mungkin agak terpanjang bagi saiz seorang wanita Melayu yang tipikal. Tetapi pada hematnya tidaklah menimbulkan masalah kerana tradisi Melayu sentiasa boleh mengubahsuaikan keadaan.

KONSEP KOSMOS DALAM BENTUK FIZIKAL RUMAH MELAYU

Alam semesta adalah kosmos. Manusia adalah sebahagian daripada kosmos itu iaitu mikrosme. Rumahnya juga adalah sebagai mikro kosmos, sebuah alam kecil tempat ia tinggal. Kedua-duanya bolehlah dianggap sebagai makro dan mikro daripada kosmos itu. Oleh itu, rumah mestilah berbentuk dan bersistem seperti kosmos. Begitu jugalah tubuh badan manusia mempunyai sistem yang sama. Menurut Sayyed Hussein Nasr,

*Islamic Architecture, like all traditional architecture, is intimately related to cosmology. Traditional man lives in universe that is meaningful. The cosmos reflects the Divine Principle and so does man. Therefore man is himself intimately related to the cosmos. He is the microcosm and, like cosmos, reflects the metacosmic reality.*⁴⁹

Tentang analogi bentuk bangunan dengan bentuk tubuh manusia beliau meneruskan, *'Traditional architecture, especially that of the temple in general and the mosque in particular, is also an image of the cosmos or of man taken in his cosmic dimension. The body of man is the temple wherein resides the spirit (roh), just as is cosmos, which animated by the same roh. ...'*


Pengaruh animisme yang sememangnya berakar berumbi di dalam budaya Melayu yang diperkuat oleh mistik Hindu-Buddha dan keimanan Islam seperti yang diungkapkan oleh Sayyed Hussein Nasr di atas memang dipercayai telah mempengaruhi tukang-tukang Melayu tradisional sejak

beberapa lama. Hanya setelah pengaruh pendidikan moden dan kurang berfungsinya peranan tukang-tukang rumah tradisional pada akhir-akhir ini, maka kepercayaan mistik seperti ini sudah menjadi *dormant*. Namun kewujudannya di dalam sanubari orang Melayu masih ada setidak-tidaknya pada tahap *subconsciousness*, atau di bawah sedar.

Contohnya, kepercayaan seperti ini masih terdapat di dalam masyarakat Melayu Bugis. Rumah harus meniru bentuk dan sistem anggota manusia. N.A. Halim menyentuh tentang ini, '... orang-orang Melayu berketurunan Bugis di Johor menyifatkan rumah adalah juga seperti tubuh badan manusia, di mana tubuh dan anggota badannya mengandungi pancaindera: ...'⁵⁰

Tukang Abas Kasim, seorang pawang-dukan dan berfikiran mistik, mendokong pendapat bahawa rumah Melayu terdiri daripada tiga perenggan: (1) perenggan kepala (2) perenggan badan, (3) perenggan kaki.

Walaupun masyarakat Bugis memandang rumahnya meniru bentuk tubuh manusia, namun jika diteliti dari segi bentuk, rumah Melayu adalah lebih jauh menyerupai bentuk manusia. Rumah Bugis hanya berkepala, badan dan kaki tetapi rumah Melayu lebih daripada itu, berkepala dan ber-leher serta berbahu dan sebagainya, seperti yang dijelaskan dalam rajah berikut:



Rajah 3.7 Unsur kosmos rumah Melayu dan Bugis



Rajah 3.8 Analogi jujuk rumah dengan anggota tubuh manusia

Selain itu semua tiang, rasuk, pelancar, alang dan lain-lain kerangka rumah adalah sebagai kaki tangan dan semua kerangka tubuh. Manakala tiang tengah adalah tulang belakang/pusat rumah.

Analogi Rumah Sebagai Tubuh Manusia

Bahagian Bumbung dan Atap

Kepala adalah kompartmen otak yang memerintah seluruh tubuh. Loteng rumah Melayu merupakan tempat simpanan barang-barang mahal dan juga tempat meletakkan tetawak. Tetawak dibunyikan ketika ada kece-masan, untuk memanggil orang menolong; samalah seperti pemancar alat komunikasi masa kini. Atap yang merupakan penutup bumbung adalah ibarat langit. Sejak zaman purba manusia menganggap bumbung sebagai langit, *'Throughout history, traditional civilizations have thought of the tent, house, tomb, or sanctuary as a symbol of the universe. The idea of 'cosmic house' evolved from associating the domelike ceilings of this structure with the heaven.'*¹⁵¹

Di dalam adat istiadat Melayu bila ada majlis-majlis rasmi, terutamanya di hari perkahwinan dan helat jamu, dipasang pula kain tabir dan langit-langit di sebelah atas ruang yang dianggap mulia seperti tengah rumah dan hujung serambi, atau di dalam penangghah di mana adat istiadat rasmi dijalankan. Di dalam bidang perdukunan Melayu pula, air liur yang diambil dari 'langit-langit' mulut dipercayai boleh menyembuhkan bisa sengatan serangga dan sebagainya.

Bahagian dinding atau badan

Badan manusia dilindungi oleh kulit. Badan rumah dilindungi oleh dindingnya. Ia melindungi penghuninya daripada cuaca panas dan sejuk, hujan dan ribut, dari serangan musuh yang terdiri daripada binatang atau manusia jahat; dan lebih utama lagi daripada musuh jenis makhluk halus, seperti jin, jembalang, hantu, polong dan sebagainya. Adat atau ritual dan perlakuan-perlakuan semasa memilih tapak rumah, semasa menegak rumah, dan pantang larang berkaitan dengan rumah, semuanya secara simbolik adalah pendinding yang bertujuan untuk menghindarkan makhluk-makhluk halus. Semua ini benar-benar berlaku, bukan sekadar kepercayaan karut atau tahayul. Aturan-aturan dan pantang larang ini adalah bertujuan untuk memastikan agar penghuni rumah itu hidup di dalam suasana aman damai. Kini hal-hal seperti ini telah pun pupus daripada amalan budaya moden.

Apa yang lebih penting lagi, dinding adalah sebagai perisai atau penghalang dan pelindung daripada aib dan malu, terutama bagi anggota keluarga perempuan yang muda, agar jangan ternampak oleh orang yang bukan muhrim yang berada di luar rumah.

Dari segi fungsi simbolik, dinding menjadi sempadan antara kawasan dalam dengan luar. Bagi masyarakat Melayu Bugis, kawasan dalam rumah adalah kawasan selamat, manakala luar rumah dipercayai sebagai kawasan jahat atau bahaya.⁶² Selain itu dinding yang mempunyai empat sisi adalah alat penentu arah atau hala; depan, belakang, kanan dan kiri; hulu, hilir, darat dan baruh tidak semestinya sama dengan alam yang mempunyai ketentuan mutlak, utara, selatan, timur, barat. Rumah Melayu seharusnya menghadap ke baruh atau tanah lapang yang lebih rendah, dan salah satu daripada sisinya yang terpanjang, harus menghala ke Makkah atau kiblat, biarpun kurang tepat.

Bendul

Bendul (bersama dinding) adalah lambang sempadan bagi ruang-ruang di dalam rumah: sempadan serambi dengan rumah ibu, sempadan rumah ibu dengan rumah dapur, sempadan tengah rumah dengan bilik, dan sebagainya. Jika tiada dinding menjadi sempadan, maka bendul sahaja sudah memadai untuk menjadi simbol sempadan, apatah lagi bila bendul itu memang dibuat bertingkat. Bendul semestinya lebih tinggi sedikit daripada aras lantai. Oleh itu adat Melayu mengatakan seseorang itu 'melangkah bendul' apabila meminum si adik sedangkan si kakak masih gadis, dan ini dikenakan denda oleh adat sebagai memujuk hati si kakak itu. Denda biasanya berupa 'sepersalin' yakni sepasang pakaian.

Di dalam masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih, sering terdapat ungkapan adat yang diungkapkan semasa menjemput keluarga pengantin atau sebarang jemputan rasmi, 'Segala yang tersungkup dek atap dan yang terlingkung dek bendul nan empat (atau bendul yang lapan) saya jemputlah semuanya.'⁶³

Dinding bilik yang sekurang-kurangnya berupa kain tabir, bukan sahaja sebagai sempadan ruang, tetapi sebagai perisai pelindung aib dan malu. Jika ada anak-anak gadis atau pasangan pengantin baru tidur di ruangan bilik, tidaklah nampak terdedah.

Tiang atau bahagian kaki

Manusia mempunyai kaki untuk berdiri. Binatang mempunyai empat kaki. Sedangkan rumah mempunyai banyak kaki atau tiang. Pada asasnya tiang rumah bermula dari empat tiang juga. Manusia memakai alas kaki; rumah memakai alas atau lapik tiang.⁶⁴ Sebagai kasut, alas tiang menahan pangkal tiang daripada lembapan, agar tahan lebih lama. Alas tiang menahan atau mengurangkan kemungkinan serangan serangga seperti anai-anai, atau semut dari menaiki rumah. Keadaan ini bagi menentukan yang tiang akan tahan lama kerana ia paling susah untuk diganti. Tiang diperbuat daripada kayu yang paling tahan. Tukang-tukang Melayu tradisional memang pakar di dalam pemilihan kayu. Pemilihan kayu dilakukan dengan

mengikut petua-petua dan pantang larangnya. Begitu juga tentang pengukuran dan pengolahannya. Tukang-tukang lama banyak yang menggunakan petua-petua yang diambil daripada kitab *Taj al Muluk*.

Tiang bukan sahaja sebagai kaki bangunan atau rumah, ia juga merupakan komponen paling penting bagi penegakan sesebuah rumah. Sebelum rumah didirikan, tiang-tianglah yang difikirkan dahulu, berapa banyak tiang diperlukan; bilangan tiang adalah penentu saiz sesebuah rumah yang akan didirikan. Selain daripada itu, bahagian tiang yang di sebelah atas dari aras lantai menjadi tempat pergantungan komponen-komponen lain terutamanya sebagai pemegang atau penggantung rasuk dan pelancar. Ia juga penting untuk menahan segala beban seperti gelegar, lantai dan beban lantai itu kelak.

Dalam pembinaan rumah tradisional Melayu, termasuk rumah ibadat, dimestikan mempunyai sebatang (bagi masjid, empat batang) tiang utama yang dipanggil tiang seri (di Negeri Sembilan dan Melaka dipanggil tiang tengah). Tiang tengah atau tiang seri ini menjadi tiang asas bagi sesuatu bangunan atau binaan. Ia juga dianggap sebagai tulang belakang bangunan itu. Tiang ini adalah sebagai pemegang semua kerangka rumah yang di sekelilingnya. Tiang tengah ini memang dibiarkan berdiri di tengah ruang rumah ibu, walaupun letaknya tidak benar-benar tengah. Ia tidak boleh dilekatkan sebarang kayu atau beroti ataupun papan dinding. Sebaliknya di tiang tengah inilah digantungkan atau diikatkan senjata-senjata lama atau tangkal-tangkal dan sebagainya. Ia harus dimuliakan dan tidak boleh dipermainkan, kerana dipercayai menjadi tempat hunian semangat rumah.

Lantai

Terdapat dua tingkat lantai dalam rumah Melayu, iaitu lantai biasa dan lantai loteng. Lantai rumah dinamakan sebagai punggung. Lantai juga mendukung konsep muka bumi. Bumi yang terbentang luas menjadi tapak tempat manusia dan haiwan mengembara, bergerak dan berinteraksi. Lantai juga sebagai muka bumi kecil di dalam kosmos kecil tempat manusia bergerak. Lantai tidak luas lepas seperti muka bumi tetapi ia terbatas oleh dinding dan bendul rumah dan di permukaannyalah manusia penghuni rumah itu bergerak dan berinteraksi dan hidup diatur oleh hukum-hukum sosial. Sebenarnya matlamat yang paling asas orang membuat rumah ialah menyediakan ruang lantai yang dianggap suci dan bersih. Oleh itulah orang Melayu sangat mementingkan kebersihannya. Di sekeliling rumah diadakan halaman yang dibersihkan. Apabila seseorang naik ke rumah, dia harus membasuh kaki dengan air yang disediakan di dalam tempayan di kaki tangga. Apabila dia sampai di atas rumah (di lantai), tikar yang bersih dibentangkan pula. Memakai alas kaki di atas rumah adalah *taboo*.

Sebagai fungsi punggung manusia, lantai juga dianggap kurang bersih di bahagian bawahnya. Najis ringan sering dijatuhkan ke bawah rumah

untuk sementara yang kemudiannya akan disapu, kecuali di bahagian bawah pelantar dapur yang dipanggil pelimbah, dan juga di bawah kelek anak tempat orang bersalin dan memandikan mayat, seperti kata Gibbs, *'The space is called 'yo yo' and is found in the floor of the 'serambi sama naik . . .'. The Malays regard it as taboo to walk on or under the 'yo yo' because the area is considered unclean.'*¹⁵⁵

Semangat Rumah

Sejajar dengan petikan tulisan Sayyed Hussein Nasr sebelum ini, bahawa setiap bangunan mempunyai roh, maka dalam konsep Melayu, rumah adalah mempunyai semangat⁵⁶ yang disebut semangat rumah.

Menurut konsep rumah sebagai kosmos, jika manusia mempunyai nyawa dan semangat, rumah pula dipercayai mempunyai semangat rumah, seperti kata Gibbs, *'The house is similar to human being. It also requires 'semangat'. A house without 'semangat' looks empty and isolated.'*¹⁵⁷

Orang Melayu sangat percaya, jika seseorang lemah semangat, dia mudah diganggu oleh makhluk halus. Begitu juga rumah. Jika ketiadaan semangat rumah, penghuni rumah itu akan kurang tenteram hidupnya, sering tidak sihat dan diganggu mimpi yang menakutkan. Oleh itu semangat rumah harus dijaga dengan cara selalu menjaga tatatertib, tidak membuat bising tidak menentu atau sering berkelahi. Adalah digalakkan berkenduri, bertahlil dan membaca al-Quran selalu.

Menurut tukang Mohd. Zain bin Panglima Nayan, tukang-tukang Melayu tradisional memang arif dalam hal memberi semangat rumah yang baru ditegakkan. Begitu juga sebaliknya, mereka boleh menjadikan rumah itu kelihatan tidak berseri atau muram sahaja, ataupun menyeramkan. Hal ini berkaitan dengan penguasaan terhadap semangat yang dipercayainya berasal dari unsur yang empat: tanah, air, api, angin.

KONSEP DAN FALSAFAH TINGKAT PADA BUMBUNG, TABIR LAYAR DAN LANTAI

Bumbung

Hijas Kasturi pernah menyenaraikan beberapa soalan tentang konsep beberapa ciri rumah peribumi,⁵⁸ di antaranya kenapa terdapat ibu rumah, dan kenapa bumbungnya bertingkat.

Sehubungan dengan ini Winstedt berpendapat:

Adapun keadaan rumah berlantai tinggi di atas tiang dan berbumbungan lentik yang diagakkan telah diteladan daripada curaman bumbung khemah itu, demikian pula bumbungan bertingkat yang masih ada didapati contohnya, jadi tanda kemuliaan dan kebesaran pada setengah-setengah masjid dan orang besar-besar—semuanya itu telah dapat disusur ke pangkalnya iaitu asalnya datang dari negeri Indo-China.⁵⁹

Pendapat Winstedt ini dapat diterima, kerana hingga hari ini rumah-rumah tradisional di Indo-China dan Negara Thai mempunyai bumbung bertingkat. Malah kebanyakannya menyerupai bumbung rumah tradisional Melayu Melaka. Hanya berbeza tentang hiasan atau ornamen pada sudut-sudut atap yang merupakan simbol keagamaan Buddha yang kelihatan seperti jari-jari tangan orang menyembah. Penulis kertas kerja Khate Ratanajarana dari Universiti Prince of Songkhla, Pattani juga memberikan pendapat yang sama, *'It is believed that the single gable roof "Melaek" ⁶⁰ is influenced by the Thai roof form. This roof form is seen in all parts of Thailand.'*⁶¹

Satu jawapan lagi yang lebih munasabah dengan budaya Melayu, sepertimana yang telah disentuh dalam bab tentang konsep kosmos dulu, iaitu bumbung bertingkat adalah meniru bentuk tubuh manusia yang mempunyai kepala, leher dan bahu serta badan.

Ada informan yang mengatakan bumbung dibuat lentik agar kelihatan cantik dan sesuai dari kaca mata estetika. Namun dari aspek seni bina, ia adalah sangat fungsional. Ia menambah kelegaan ruang loteng dan juga sebagai lubang udara *ventilation*.

Yang lebih penting lagi ialah anggapan tinggi dan mulia terhadap ibu. Ibu semestinya dihormati dan diberikan keutamaan. Maka kerana itu rumah asas atau *core house* diberikan nama 'rumah ibu' atau 'ibu rumah', dan ia seharusnya dilayan sebagai ibu. Maka kerana itulah ruang rumah ibu itu mempunyai fungsi yang sangat banyak jika dibandingkan dengan ruang serambi dan dapur. Di antara fungsi-fungsi itu termasuklah sebagai tempat menyambut tamu wanita dalam majlis-majlis rasmi, tempat pelamin atau pengantin bersanding, tempat mengaji Quran bagi anak-anak perempuan, tempat wanita bersalin, tempat orang sakit tenat, tempat memandikan mayat, dan lain-lain lagi.

Sebagai bukti bahawa rumah ibu itu mesti diberi keutamaan dan kehormatan, ia didirikan lebih dulu daripada mana-mana bahagian yang lain, lantai dan bumbungnya lebih tinggi daripada bahagian-bahagian lain; ia dibuat daripada bahan-bahan yang paling baik agar kelihatan cantik dan teguh serta tahan lama. Keperibadian sesebuah rumah adalah terletak pada rumah ibu (termasuk serambi). Oleh itu bumbungnya mestilah lebih tinggi daripada bahagian-bahagian lain.

Berkenaan tabir layar bertingkat, seolah-olah telah teradat, rakyat biasa membuat tabir layar dua tingkat dengan variasi-variasi yang bersifat kedaerahan. Tabir layar merupakan dinding bumbung berbentuk 'A' di pangkal dan di hujung bumbung. Sebagaimana dinding ia memerlukan bukaan-bukaan untuk pengudaraan dan juga pencahayaan. Oleh kerana itu rumah yang tidak berloteng biasanya tidak memerlukan lubang-lubang pengudaraan. Soalnya kenapa tabir layar dibuat bertingkat dan kadangkala bertingkap. Tingkap adalah fungsional—dapat dipergunakan. Tetapi

tingkat-tingkat pula membawa perlambangan yang ditentukan oleh masyarakat lama. Masyarakat Bugis menentukan tabir layar lima tingkat untuk raja-raja, empat tingkat untuk keraing-keraing, tiga tingkat untuk daing-daing dan dua tingkat untuk rakyat biasa. Satu tingkat atau penuh sama ertinya dengan lima tingkat, iaitu terkhas bagi raja-raja.⁶² Dalam masyarakat Melayu, kurang dijelaskan apa perlambangan tabir layar bertingkat ini. Sebaliknya terdapat banyak larangan untuk meniru bentuk-bentuk khas bagi rumah atau istana raja.⁶³ Tentang tingkat-tingkat tabir layar pada masyarakat Melayu biasa terlihat dua tingkat dan tiga tingkat sahaja; rumah yang amat sederhana atau yang daif hanya mempunyai satu tingkat sahaja. Yang tiga tingkat dikatakan khusus untuk orang-orang besar atau datuk-datuk yang diperkenankan oleh raja atau Penghulu Luhak (Undang, di Negeri Sembilan): yang dua atau satu tingkat adalah untuk rakyat biasa.

Lantai Bertingkat

Tentang aras lantai pula, lantai rumah ibu didapati bertingkat, iaitu lebih tinggi daripada lantai serambi atau lain-lain bahagian rumah. Menurut Gibbs:

*The different sections of the Malay house are organized at higher and lower levels. According to some Malays, the levels or layers (tingkat) found in Malay house depict the characteristics of Malay society. Respect for one another is fundamental to the Malays. Leaders and elders are highly respected and this doctrine is taught in the home.*⁶⁴

Kenyataan Gibbs ini kelihatan amat benar. Kebenaran ini dapat diperkuat dengan adanya tingkat-tingkat sosial dalam masyarakat Melayu; golongan raja-raja, golongan orang-orang besar dan golongan rakyat jelata dan boleh ditambah satu kelas lagi—hamba abdi yang disebut hamba sahaya atau 'toman' di Negeri Sembilan.⁶⁵

Aturan peningkatan aras lantai ini juga jelas terlihat di zaman Kerajaan Melayu Melaka; *Sejarah Melayu* mencatatkan tentang kedudukan seseorang menurut pangkat dan ruang-ruang tertentu semasa di dalam balairung:

Adapun apabila raja dihadap orang di balairung, maka bendahara dan penghulu bendahari dan temenggung dan segala orang besar-besar segala sida-sida duduk di seri balai; maka segala anak raja-raja itu duduk di kelek-kelek balai kiri kanan . . . bentara hulubalang di ketapakan balai.⁶⁶

Sebuah petikan lagi menerangkan adat makan diraja (jamuan) di istana yang ada ketentuan tingkat-tingkat lantainya:

Maka Temenggung Seri Wak Raja pun berdirilah di naga-naga menyuruhkan bentara mengatarkan orang makan itu, di mata-matanya supaya jangan bersalahan

adat tertib Melayu itu. Maka berjalanlah bentara di hadapan menteri hulubalang yang di *balairung seri*, dan mengatur segala pegawai yang di *selasar balai*. . . . Syahdan yang di *seri balai* berhad-had empat sehidangan, tiada dapat yang di bawah ke atas, atau yang di atas ke bawah; mana yang kurang kepada suatu hidangan itu kurang seorang, makan tiga orang, dan kurang dua orang makan dua orang, kurang tiga orang makan seorang, tiada boleh yang di bawah itu atau yang di atas itu menggenapi dia. Demiklanlah istiadat Melayu dahulu kala pada tertibnya majlis Melayu.⁶⁷

Dilihat dari aspek kesopanan Melayu, aras lantai yang tinggi pada rumah ibu itu adalah untuk memberikan *privacy* dan melindungi kaum perempuan daripada aib dan malu. Orang-orang luar yang berdiri atau lalu di halaman tidak mudah terlihat jika ada wanita yang berpakaian kurang sempurna di dalam rumah ibu itu.

Dengan kenyataan-kenyataan di atas bolehlah meyakinkan kita bahawa peningkatan lantai, begitu juga peningkatan atap bumbung rumah dan tabir layar tadi adalah sesuatu yang memberi makna dan bersumber dari inti ataupun umbi kebudayaan Melayu sejak zaman purba.

KONSEP BUMBUNG LENTIK

Semua rumah tradisional Negeri Sembilan berbumbung lentik; ada yang sangat ketara lentiknya dan ada yang sekadar sahaja. Rumah Melaka juga lentik sedikit, kira-kira empat inci, sedangkan rumah Negeri Sembilan antara enam inci hingga 10 inci atau lebih sedikit. Rumah kutai yang terdapat di pinggir-pinggir Sungai Perak juga kelihatan lentik. Di Sumatera, terdapat rumah-rumah tradisional yang sengaja dibuat lentik, dinamakan 'rumah lontik'.⁶⁸ Kecuali rumah-rumah tradisional di pantai timur Semenanjung, kelihatan lurus, mungkin kerana bahan-bahan kayu yang digunakan bersaiz besar. Oleh itu, ciri bumbung lentik ini bolehlah diterima sebagai salah satu ciri rumah Melayu, terutama di kawasan-kawasan pantai Selat Melaka, dan di pantai barat Sumatera sekitar kota Padang.

Menurut *Arsitektur Riau*, bumbung lentik Melayu adalah meniru konsep atau imej perahu. Ini sangat bersesuaian dengan bahasan yang telah dibuat dalam Bab 1 tentang teori penyebaran rumpun Melayu yang terbukti sebagai bangsa kelautan—ahli pelayaran.

Atap perahu Melayu kelihatan seperti lentik yang disengajakan, bukan lentik alami yang disebabkan oleh graviti. Tetapi mungkin juga pada awalnya lentik yang terdapat pada perahu dan pondok-pondok itu adalah kerana pengaruh graviti yang kemudiannya ditiru oleh tukang-tukang perahu dan rumah.

Dilihat dari kaca mata estetika, bentuk yang lentik itu memang memberikan rupa yang cantik dan lembut. Maka kerana itulah rumah-rumah tradisional Negeri Sembilan dibuat sedemikian rupa. Jika diperhatikan bumbung

anjung serambinya, kebanyakan sangat ketara lentiknya, melebihi kelentikan bumbung rumah ibu. Ia kelihatan mirip sekali dengan lentik bumbung perahu.

Kalau diperhatikan badan perahu dan kapal di mana-mana juga pun, bahagian hadapannya menjongket. Begitu juga bahagian badan rumah tradisional Negeri Sembilan, setiap kayu bahagian yang memanjang, semuanya dibuat lentik, terutama kayu tutup tiang serambi dan rumah ibu. Keadaannya semakin ke bawah semakin lurus hingga ke aras bendul. Ini menjelaskan lagi kesan peniruan bentuk perahu tadi. Pendek kata, rumah tradisional Negeri Sembilan jelas menampakkan imej perahu.

GETA, TIANG GUNTUNG DAN SOTOH⁶⁰


Sebenarnya nama 'tiang gantung' di sini tidaklah bermakna tiang yang sebenar, tetapi merupakan sebatang beroti bersaiz kira-kira $3\frac{1}{2}$ inci segi empat sama yang dipasang tergantung di hujung alang, berfungsi sebagai tempat pergantungan kasau jantan serambi atau kasau jantan kelek anak. Hujungnya yang tergantung itu ditebuk untuk dipasangkan pada hujung 'gotoh' yang menunggu. Jadi ia berkait atau menghubungkan alang dengan gotoh. Kepalanya yang tergantung itu biasanya diukir dengan pelbagai motif, kelihatan sangat dekoratif, atau sekurang-kurangnya dilarik bulat atau disegi-segikan. (Lihat Gambar 6, 7 dan 8).

Tiang gantung yang terdapat di Negeri Sembilan ini adalah unik, cantik dan fungsional.⁷⁰ Ia kelihatan rumit tetapi konstruksinya tersangat teguh. Di sini kita cuba mencari asal kewujudannya. Ia tidak terdapat di negeri-negeri lain sama ada di Semenanjung atau di Sumatera (Riau dan Minangkabau). Penulis ada terlihat yang sepertinya pada Istana Balai Besar, Kota Bharu dan di Istana Lama Seri Menanti. Yang banyak terdapat ialah pada seni bina Jawa,⁷¹ dalam bahasa Jawa *saka bentong*.

Menurut beberapa orang informan⁷² yang terdiri daripada tuan-tuan rumah yang ditinjau, mengatakan tukang rumah mereka adalah orang Jawa.

Sehubungan dengan ini, pemakaian tiang gantung adalah berkait rapat dengan penggunaan 'gotoh' yang terdapat di seluruh Negeri Sembilan darat. Sistem ini juga adalah seakan-akan sistem seni bina Jawa, iaitu balak kecil yang dipasang ke bawah sedikit daripada tutup-tutup tiangnya yang berfungsi sebagai rasuk dan pelancar rumah Melayu; tetapi bukan untuk sistem perlantain, melainkan semata-mata untuk menegaskan penegakan tiang-tiang utama yang empat batang (tiang seri atau 'saka guru').


Dengan keterangan di atas, penulis berasa yakin bahawa sistem pemakaian tiang gantung dan gotoh di Negeri Sembilan ini adalah pengaruh seni bina Jawa. Ini diperkuat lagi dengan terdapatnya ramai tukang Jawa di Rembau dan juga memang seni ukir Jawa termasyhur di seluruh Nusantara.



Rajah 3.9 Konstruksi tiang gantung dan gotoh dan variasinya

Keterangan:

1. Yang umum terdapat di Negeri Sembilan timur
2. Banyak terdapat di Linggi tetapi tanpa gotoh
3. Umum terdapat di Rembau, tiang gantung dipasang di bawah alang
4. Tiang gantung dipasang di hujung alang terus ke atas agar loteng jadi tinggi
5. Pemasangan kasau jantan yang berlainan
6. Kasau jantan di bawah gotoh, terdapat di Gemencheh
7. Rumah Haji Adam di Chembong Halt Rembau



Rajah 3.10 Seni bina Jawa menunjukkan pemakaian tiang gantung

PERBEZAAN SAIZ RUANG DALAM RUMAH MELAYU


Dengan merujuk pelan dan grid rumah-rumah sampel di atas didapati ruang-ruang (tampak hadapan) rumah Negeri Sembilan sebelah darat (Rembau, Ulu Muar dan Jelevu) adalah berbeza-beza luasnya. Daripada penelitian penulis, ciri ini tidak terdapat di mana-mana melainkan di Negeri Sembilan. Malah di Riau dan Minangkabau juga tidak terdapat. Lihat pada rumah-rumah Tiang 12, (atau dua ruang), maka ruang sebelah hilir atau tengah rumah adalah diluaskan sedikit daripada ruang sebelah hulu atau sebelah bilik. Jika rumah Tiang 16 (tiga ruang), maka terdapat tiga saiz pula: yang terbesar ialah ruang tengah, kedua besar ruang hilir atau pangkal yang diletakkan tangga utama, dan yang terkecil pula ialah ruang hulu atau bilik. Hal sebegini terlihat juga pada tradisi menghubungkan tikar (tikar berkampuh), iaitu sebelah besar dan sebelah kecil sedikit, kampuhnya (penghujung yang dianyam kemudian) mestilah lebih kecil. Kenapa terjadi begini? Ada seorang dua informan menyatakan bahawa ini menandakan orang Melayu (Negeri Sembilan saja?) memberikan keutamaan atau menghormati mana yang lebih tua. Tentang rumah tadi pula, menunjukkan masyarakat Negeri Sembilan memberikan keutamaan kepada yang patut: ruang tengah adalah lebih patut dibesarkan kerana ruang itu mempunyai fungsi yang banyak manakala ruang bilik hanya sebagai tempat penginapan pengantin atau anak-anak dara. Sedangkan ruang hilir bagi rumah Tiang 16 adalah berfungsi sebagai ruang untuk lalu-lalang dari serambi ke dapur atau sebaliknya. Konsep ini sering terdengar di dalam kata-kata nasihat, 'yang tua dituakan'.

Konsep di atas boleh pula diaplikasikan kepada perbezaan bukaan ruang-ruang serambi, tengah rumah dan kelek anak: tengah rumah paling besar, serambi yang kedua dan kelek anak terkecil. Hal ini didapati tidak

sama sifatnya pada setiap rumah Melayu yang bukan sahaja kerana 'memberi keutamaan kepada yang utama' tetapi juga untuk memadankan sifat-sifat struktur rumah Melayu agar ia praktis atau fungsional dengan saiz orang Melayu yang menggunakan ruang-ruang itu, sebagaimana yang telah dibincangkan.

Sehubungan dengan ketidakseamaan saiz ruang di atas, terdapat pula unsur 'tolak ansur' di dalam penentuan saiz ruang serambi di dalam amalan ketukangan seni bina tradisional Negeri Sembilan. Hal ini dapat dipastikan dengan meneliti ukuran hujung alang di sebelah hadapan dan belakang: ukuran hujung alang yang terjulur ke sebelah luar dinding serambi adalah lebih panjang jika dibandingkan dengan yang terjulur ke ruang kelek anak. Jadi, apabila kita lihat dari ruang tengah rumah, kelihatan tunjak langit rumah itu tidak sama kedudukannya. Sebenarnya apa yang berlaku ialah ruang serambinya telah ditolak ke dalam ruang rumah ibu sedikit, dengan tujuan untuk melegakan sedikit ruang serambi itu. Jika ruang itu diansur ke hadapan rumah maka terpaksa tiang-tiang serambi direndahkan lagi, sebagaimana yang terjadi pada serambi rumah Melaka dan lain-lain.

Implikasi kenyataan ini ialah bahawa budaya Melayu memang sering bertolak ansur dalam memberikan keutamaan kepada yang patut, yang memungkinkan timbulnya hierarki sosial pula.



Rajah 3.11 Ruang-ruang tak sama saiz

Peringatan:

Urutan angka menunjukkan tertib saiz, besar atau kecil mengikut kedudukan pakan dan loseng atau bujur dan lintang.

1. M.C. Subhadradis Diskul, *The Art of Srivijaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1980, hal. 1.

2. O.K. Nizami Jamil, Kepala Bidang Kesenian Propinsi Riau, temu bual pada 20 September 1989.

3. Bagi kebanyakan informan di Negeri Sembilan dan Melaka, dangau ialah pondok sedemikian yang terdapat di ladang-ladang atau sawah yang dihuni agak lama. N.A. Halim pula mengatakan dangau ialah pondok yang lebih besar, boleh dianggap rumah. Lihat bukunya *Pengenalan Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*, Darul Fikr, 1985, hal. 3.

4. Dalam budaya adat Negeri Sembilan terdapat ungkapan adat yang membuktikan kebenaran konsep rumah tiang empat batang ini, iaitu diungkap oleh tua suku atau buapak semasa menyerahkan pemberian atau peruntukan kepada orang semenda baru (menantu laki-laki) yang diperuntukkan melalui pihak isterinya menurut adat:

Terimalah,

Kok kampung nan sesudut

Niur nan sebatang

Pinang nan sederet

Serta rumah nan empat batang tiang . . .

Kenyataan yang sebenarnya rumah yang diumpukkan itu bukanlah benar-benar empat batang tiangnya tetapi lazimnya rumah tiang 12 dan lengkap pula dengan rumah dapur-nya.

5. Rajah 3.1 telah diubah suai daripada buku Lim Jee Yuan, *The Malay House*, Institut Masyarakat, Pulau Pinang, 1987, hal. 71.

6. Di Melaka, dibuat sambungan kasau yang pendek, dinamakan 'sangkuik'; di Negeri Sembilan dinamakan 'kasau lentik'.

7. Tara bermakna kurang curam.

8. Kajang ialah sejenis atap atau hamparan yang diperbuat daripada daun-daun mengkuang hutan atau jakas yang dijahit dengan rotan. Keadaannya sangat lebar, sesuai untuk atap perahu dengan dilipat dua menjadi bentuk 'V' terbalik. Di Melaka biasa dijadikan atap kereta lembu. Sering juga dijadikan layar perahu.

9. Untuk keterangan lanjut tentang rumah tiang 6 atau rumah bujang ini sila lihat Raja Bahrin Shah, *The Terengganu Timber Malay House*, Badan Warisan Malaysia, Petronas, 1988, hal. 23.

10. Tambahan: terdapat juga rumah tiang 9 yang ditambah tiga tiang di bahagian hadapan, iaitu untuk serambi tanpa ruang kelek anak (Rumah T. 9 (b)).

11. Yaakub Idrus, 'Rumah Rembau dan Rumah Melaka', *Kajian Seni Lukis, Jabatan Seni Lukis dan Pertukangan Tangan, S.T.T.I., 1966*. (Tidak diterbitkan).

12. Di Negeri Sembilan, pangkal serambi ialah di sebelah hilir mengikut aliran sungai di tempat itu, dan tangga depan seharusnya terletak di pangkal serambi, dan sering empat tiang tersendiri diperlukan. Berbeza dengan rumah Melaka, cuma memerlukan dua batang tiang tambahan saja.

13. Seperti yang pernah disentuh, perkataan peran bermaksud kayu tutup tiang atau alang panjang, di Negeri Sembilan timur, Rembau darat dan di Minangkabau.

14. Di Negeri Sembilan dan Melaka yang beradat Perpatih, berkampung maksudnya berkumpul beramai-ramai di sesebuah rumah, biasanya untuk berunding atau bermesyuarat untuk membincangkan kerja-kerja helat (olek) yang tak lama lagi akan dilangsungkan.

15. Lihat Abdullah Siddik, *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal. 55.

16. Mohd Din bin Ali, *Sambaan Cakap dan Pepatah Adat Melayu, Penggal Ketiga*, (tiada catatan tentang penerbit), 1957, hal. 20.

17. Seperti puding, cekur, jerangau, sepulih, dan sebagainya.

18. Di Negeri Sembilan, menurut adat, pihak tuan rumah (orang semenda perempuan)

akan membentangkan tikar di halaman dan menghulurkan tepak sirih kepada wakil pihak pengantin lelaki yang datang itu.

19. Lihat semula konsep arah hulu, hilir, darat dan baruh. Hulu ialah hala dari mana sungai mengalir, biasanya sebelah bukit atau banjaran gunung; hilir ialah arah mana sungai mengalir, selalunya hala ke laut; darat bererti arah mana tanah yang lebih tinggi, selalunya di sebelah belakang rumah; dan baruh ialah sebelah tanah yang lebih rendah, selalunya di arah hadapan rumah. Hulu dan darat semestinya terletak di aras yang lebih tinggi atau atas, maka ia dianggap lebih mulia dan ini sangat mempengaruhi aturan-aturan dalam pembinaan rumah dan juga orientasi penghuni rumah.

20. Zulkifli Hanafi, (1985) *Ibid.*, hal. 33.

21. Tambahan: Tukang Kasimin menerangkan kenapa tangga diletakkan di sebelah hilir, menurut orang tua-tua, jika tangga di sebelah hulu adalah ibarat memasang lukah, jika mulutnya dipasang hala ke hulu tentulah lukah itu akan dipenuhi sampah, bukan oleh ikan. (Temu bual pada 5.2.1989).

22. Keterangan En. Abd. Rashid bin Samad, 70-an, Ketua Kampung Air Melintang, Rembau, pada 20.5.1990. Sumbang menurut adat ada 12 macam. Tetapi yang sering disebut ada beberapa saja: sumbang percakapan, sumbang perbuatan, sumbang kedudukan dan sebagainya. Lihat Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Utusan Publication, Kuala Lumpur, 1982, hal. 120.

23. Tentang konsep mulia ini tukang Alias Yaakub (20.5.1990) dan Pawang Abas Kasim (22.5.1990) sependapat mengatakan bahawa 'hulu' ialah kepala yang mesti dimuliakan. Oleh itu kepala tidak boleh dipernmain-mainkan. Datuk Undang Rembau dan lain-lain, dipanggil penghulu iaitu kepala lukah.

24. Muhammad Haji Salleh, 'Rumah Melayu Melaka', dalam *Jurnal Budaya Melayu*, Jabatan Persuratan Melayu, UKM Jilid 5, 1982, hal. 190. Perkataan 'serambi' menurut *Kamus Wilkinson*, mungkin berasal dari bahasa Malayalam *shrambi* yang bermakna *room on posts*. Ia hampir sama makna dengan kata 'beranda' atau *verandah* dalam bahasa Inggeris tetapi mempunyai konsep yang berlainan. Beranda lebih bermaksud sebagai ruang panjang sebelah luar rumah untuk orang lalu-lalang, sedangkan serambi rumah Melayu memberi erti ruang yang terletak di bahagian luar juga tetapi berkampil dengan rumah ibu dan beratap serta ber dinding (mungkin rendah atau sebahagian atau sepenuhnya) dan ia dianggap juga sebagai ruang khas dan formal. Lihat juga Abdul Rahim Abdullah, 'Pengenalan Seni Bina Melalui Aspek-aspek Fizikal', Kertas kerja Seminar 'Ke arah Identiti Kebangsaan dalam Seni Bina', Kementerian Kebudayaan dan Sukan, 1981, hal. 4.

Ungkapan 'serambi' ini memang sangat popular di dalam masyarakat Melayu, misalnya 'Acheh adalah serambi Makkah'; orang Minangkabau juga menganggap negerinya sebagai serambi Makkah. Luhak-luhak atau daerah adat di Negeri Sembilan masing-masing mempunyai kawasan yang dianggap sebagai serambinya. Lihat M.B. Hooker, *The Early Constitution of Negeri Sembilan*, dalam *JMBRAS* Vol. 44, 1971, hal. 113-14.

Sungai Ujung serambinya Terachi,

Jejebu serambinya Jempol,

Johol serambinya Ulu Muar,

Rembau serambinya Gunung Pasir.

25. Kerana itu jugalah gerangan orang Melaka memanggil serambi 'sengkuap'. Dipercayai serambi masa dahulu memang tiada ber dinding seperti yang terdapat pada rumah-rumah ladang. Kemudian bentuk ini berkembang lagi, diberi ber dinding rendah kira-kira sehasta atau $1\frac{1}{2}$ kaki, sekadar untuk menahan agar jangan terjatuh apabila ada orang duduk kenduri dan sebagainya. Dinding rendah ini dipanggil 'lempar' atau 'lemparan' atau 'pelepau' mengikut dialek Melaka. Bagi dialek Negeri Sembilan disebut dengan 'e' pepet, atau 'o'. Bayi yang baharu mula berdiri dengan bergantung pada lemparan ini dikatakan sudah pandai melempar (Negeri Sembilan: melompat).

26. Kaedah tradisional mengangkat hidangan ialah dengan tertib, dulang air diangkat dahulu, diikuti dulang lauk-pauk, akhirnya mangkuk nasi yang tersusun dengan pinggan-pinggannya. Sehidangan makan empat orang. Jamuan di zaman Kesultanan Melaka juga empat orang sehidangan. Lihat *Sejarah Melayu*, naskhah Shellabear, MPH, 1950, hal. 67 dan 254.

27. Untuk menampung bilangan jemputan yang lebih ramai orang-orang yang berada menambah lagi seruang atau dua ruang serambinya berupa antung pangkal serambi dan hujung serambi.

28. Al-Quran, surah 95, ayat 4.

29. Muhammad Haji Salleh, (1982) 'Rumah Melayu Melaka' dalam *Jurnal Rumah Budaya Melayu*, UKM hal. 197-8.

30. Muhammad Haji Salleh, *Ibid.*, hal. 191.

31. Kata-kata adat: Baju simp dipakai, tikar terbentang diduduki.

32. Kebanyakan rumah di timur Negeri Sembilan tidak berbilik, tetapi konsep bilik tetap ada iaitu dengan memakai tabir. Loteng juga kurang terdapat di sana, kecuali yang sengaja dibuat loteng tinggi.

33. Terdapat juga dalam kajian pelajar-pelajar seni bina dari institut pengajian tinggi mengistilahkan rumah dapur sebagai kelek anak. Penulis berpendapat bahawa hal ini timbul kerana kekeliruan yang bersebab dari silap faham informan. Hal ini memang lumrah terjadi.

34. Ini berlaku pada rumah sampel (1) menurut keterangan tuan rumah itu.

35. Menurut Tukang Alias Haji Yaakub (informan), yang didengarnya dari orang tua-tua dahulu, rumah orang Asli (Jakun) di Rembau memang asalnya mempunyai sebuah bilik. Barangkali apa yang dimaksudkannya ialah orang Melayu tulen seperti yang telah disentuh di dalam Bab 1 dahulu.

36. Orientasi begini mungkin dapat menolong kita mengaitkan budaya Melayu yang dikatakan bersumber dari daerah utara Indo-China, kerana ianya kelihatan sangat bersamaan dengan budaya orang Lao. Lihat *The Spatial Organisation of the Lao House* oleh Piere Clement di dalam *The House in South-east Asia* oleh K.G. Izikowitz (ed.) Scandinavian Institute of Asean Studies, London, 1982, hal. 62-5.

37. Di Kampung Linggi, anak dara sememangnya tidur di atas loteng, kerana itu loteng tinggi bumbungnya dan lantainya luas.

Bertunggu ertinya dihuni oleh pengantin baru.

38. Abdul Rahim Abdullah, (1981) kertas kerja Seminar KKBS, hal. 5.

39. Shellabear, W.G., *Sejarah Melayu*, Malaya Publishing House, Singapura, (1950), hal. 114.

40. Dalam ilmu seni bina diistilahkan *Anthropometric*. Lihat Lim Jee Yuan, *The Malay House*, Institut Masyarakat, Pulau Pinang, 1987, hal. 4. Beliau menulis, 'The linear measurements used by the Malays are based in the dimensions of the human body. . . The traditional Malay house based on the human scale thus developed sensitive dimensions for the use of space.'

41. Menggunakan sistem ukuran anggota manusia ini memang ada kelemahannya. Untuk mempiawaikan ukuran ini adalah susah; depa si A tidak sama dengan si B; hasta lelaki tidak sama dengan hasta perempuan; semuanya berlebih kurang. Namun sifat lebih kurang ini adalah satu ciri budaya Melayu tetapi kesannya harmonis. Walau bagaimanapun tukang-tukang Melayu dapat menghasilkan karya-karya yang halus dan canggih; cuma ukuran antara sebuah karya dengan yang lain tidak benar-benar sama saiznya. Ini adala sesuatu yang boleh dianggap positif menurut kaca mata seni atau estetika, *variety is the spices of life*. Dan lagi sebagai kenyataannya, Tuhan mencipta manusia memang tiada yang benar-benar serupa; angkubah-angkubah tetap wujud di mana-mana.

42. *Ensiklopedia Britanica*, Jilid 14, 1965, hal. 674. Dengan mengandalkan tinggi orang Melayu 5 kaki 4 inci, iaitu sama dengan panjang depannya, (kenyataan tabii), maka pan-

jang jengkalnya ialah 7-8 inci mengikut jengkal jari telunjuk atau jari manis masing-masing. Ukuran sehasta pula ialah 17-18 inci. Sepemeluk sama dengan sedepa iaitu 64 inci.

43. 1 ken = 3 kaki; 1 shaku = 1 kaldi. Lihat, Tetsuro Yoshida, *The Japanese House and Garden*, Pall Mall Press, London, 1963, hal. 68. Orang Jepun menggunakan ukuran kepingan 'taatanu' yang diperbuat daripada jerami, berukuran standard 1 x 2 ken (3 x 6 kaki) sebagai penentu saiz ruang bilik/rumahnya.

44. Berkenaan dengan jumlah kasau ini orang Melayu mempunyai satu kaedah menghitungnya, iaitu berdasarkan kepercayaan, dengan ulangan empat perkataan: *kasau*, *masau*, *reba*, *api*. Hitungan seharusnya berhenti pada perkataan *kasau*, barulah membawa tuah. Perkataan *reba*, (Negeri Sembilan disebut robo) bermakna bakar, dan *api* mestilah dielakkan kerana dipercayai membawa malapetaka. Memanglah satu kebetulan, bahawa pada kasau yang kesembilan tiba pada perkataan *kasau*. Pada rumah T 12 yang bersaiz besar, atau jenis lima penaikan atap, bilangan kasau yang diperlukan ialah sebelas batang. Ini bermakna bilangannya jatuh kepada perkataan *reba*. Untuk mengelakkan perkataan *reba* ini, maka ditambah dua batang kasau lagi, dikembalikan dengan kasau yang di pangkal sekali dan yang di hujung sekali, yang terletak di hujung layang-layang atap; dengan ini bilangan akan kena kepada perkataan *kasau*.

Kaedah ini terdapat juga di kalangan masyarakat Melayu Riau. (Lihat 'Rumah Tradisi Melayu Daerah Riau', *Ibid.*, hal. 45).

45. Pengubahsuaian ukuran mengikut fungsi ini sering diungkapkan sebagai *forms follow function* oleh para arkitek sebagai ungkapan popular.

46. Lihat Tenas Effendy, *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hal. 142.

47. *Op.cit.*, hal. 95.

48. Haji Ismail Aceh (?), *Taj al Muluk*, Maktabah wa Matba'ah Dar-al-Maarif, Pulau Pinang, tanpa tarikh, hal. 95.

49. Sayeed Hussein Nasr, Pengenalan dalam *The Sense of Unity*, oleh Nader Ardalan dan Laleh Bakhtiar, The University of Chicago Press, Chicago and London 1973, hal. xii.

50. N.A. Halim, *Rumah Tradisional Melayu Semenanjung Malaysia*, Darul Fikir, Kuala Lumpur, hal. 59. Lihat juga maksud yang sama, Shelly Errington, 'Rumah Bugis Bukan Cuma Tempat Berlindung Dari Hujan dan Panas,' *Dewan Budaya*, Januari, 1981, hal. 37. Lihat juga Christian Peiras, 'Rumah Bugis, Fungsi, Struktur, Bentuk dan Simbol: Satu Perbandingan Rumah Melayu Semenanjung, kertas kerja 39, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Kuala Lumpur, Ogos, 1989.

51. Nader Ardalan dan Laleh Bakhtiar, *The Sense of Unity*, The University of Chicago Press, Chicago, 1973, hal. 74.

52. Lihat Selly Errington, (1981), *op.cit.*, hal. 37.

53. 'Bendul yang empat' bermaksud bendul rumah ibu, dan 'bendul yang lapan' bermaksud termasuk bendul serambi. Kadang-kadang ungkapan 'bendul yang empat' itu pun sudah memadai untuk menjemput seisi rumah. Adat Perpatih menentukan bahawa yang terlingkup dek atap dan terlingkung dek bendul maksudnya 'rumah' adalah di bawah kekuasaan orang semenda; orang lain tidak berhak mengganggunya.

54. Di Negeri Sembilan di sesetengah tempat, orang tua-tua menyebut alas tiang ini sebagai 'sendi tiang', sama seperti di Minangkabau. Pantun oleh Hamka ini mungkin mem-bahva maksud yang sama:

Tegak rumah kerana sendi,

Rosak sendi rumah binasa;

Baik orang kerana budi,

Hilang budi rosaklah bangsa.

Pantun ini diubah suai sedikit daripada *Lembaga Budi*, Abas Bandung, Melaka, 1976, hal. 5.

55. Gibbs (1987), *op.cit.*, hal. 26.

56. Orang Melayu memang tidak dapat dipisahkan dengan 'semangat', malah hingga ke zaman mutakhir ini. Ungkapan-ungkapan seperti 'lemah semangat', 'tidak bersemangat', 'semangat sekolah', 'semangat kekitaan' dan seumpamanya sering diungkapkan. Walaupun sudah berlainan konotasi, namun akar umbinya tetap berada di dalam minda bawah sadar orang Melayu. Ungkapan-ungkapan yang original juga masih boleh didengar, umpamanya bila seseorang anak kecil terjatuh, si ibu akan segera mengejar anaknya itu dan mendukungnya sambil menyeru, 'kur semangat'. Atau ketika memuji seorang bayi yang sihat, dikatakan, 'semangat badan budak ini', dengan maksud anak itu gemuk.

Merujuk kembali pandangan Sayyed Hussein Nasr di atas bahawa masjid dan rumah mempunyai roh, mungkin apa yang dimaksudkannya itu sama artinya dengan konsep semangat dalam kepercayaan animisme Melayu tradisional. Kerana itu maka menjadi amalan budaya Melayu menjalankan upacara dan adat istiadat untuk melahirkan semangat rumah dan menjaganya, di samping untuk menjauhkan makhluk-makhluk halus atau jahat.

57. Gibbs, (1987) *Ibid.*, hal. 85.

58. Hijas Kasturi, 'Asas Kesenian Peribumi Dalam Seri Bina', dalam *Dewan Budaya*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mei 1980, hal. 17.

59. Za'ba (penterjemah), *Sejarah Ringkas Tanah Melayu*, Pustaka Melayu, Singapura, 1961, hal. 27. Juga lihat kembali petikan *Sejarah Melayu*, Shellabear (1950: 114), tentang Istana Sultan Mansur Syah: '... tujuh pangkat kemuncaknya.'

60. Kata 'Malaek' ini mungkin dimaksudkan 'Melaka' atau 'Melayu'.

61. Kertas kerja *The Domestic Architecture of The Thai Muslim Culture In the South Border Provinces of Thailand* dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Jabatan Pengajian Melayu, Ogos, 1989.

62. Keterangan dari Pak Arena Wati (Karyawan Tamu/Sasterawan Negara) di UKM. Temu bual di bilik Karyawan Tamu En. N.A. Halim di UKM pada 27.12.90.

63. Lihat *Sejarah Melayu* naskah Shellabear MPH, 1950, hal. 63.

64. Gibbs, *Ibid.*, hal. 23.

65. Di dalam sistem kekeluargaan Melayu pula terdapat panggilan yang menggambarkan penghormatan terhadap anggota keluarga yang lebih tua. Ini memperjelas dan memperkuat bahawa budaya Melayu memang mementingkan tingkatan: Long, Embung, Yong untuk yang sulung atau yang tertua; Ngah, Pak Ngah, Mak Ngah dan lain-lain untuk yang tengah atau yang kedua; Alang, Bang Lang, Kak Lang untuk yang alang atau ketiga; Cik atau Acik, Mak Cik, Bang Cik dan lain-lain untuk yang keempat atau dianggap kedua paling kecil; Usu atau Ucu, Mak Su, Pak Su dan lain-lain untuk yang bungsu. Jika lebih daripada lima maka dipanggil pula mengikut patut, seperti Pak Tam (hitam), Kak Tih (putih), Mak Anjang (panjang), Pak Endek (pendek) dan sebagainya. Lihat Nordin Selat, *Ibid.*, hal. 34.

66. *Sejarah Melayu*, naskah Shellabear, *op.cit.*, hal. 64. Lihat juga Syed Alwi Sheikh Al-Hadi, *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hal. 66 dan 97, di mana diterangkan bahawa nakhoda-nakhoda dagang, orang kebanyakan dan hamba raja didudukkan di serambi istana ketika perjamuan diraja.

67. *Sejarah Melayu*, (Naskah Shellabear), *Ibid.*, hal. 254.


68. Lihat *Arsitektur Tradisional Daerah Riau*, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, Pekanbaru, 1984, hal. 105.

69. Dialek Negeri Sembilan geta disebut goto atau gotoh. Sotoh atau sotor ialah tiang pendek di hujung alang.


70. Ia tidak berunsur magis seperti 'buah buton' pada rumah Bugis atau 'lebah bergantung' pada rumah Kutai, Perak. Lihat N.A. Halim, 'Rumah Burnbung Perak', dalam 'Seminar Ke Arah Identiti Kebangsaan Dalam Seni Bina' Jilid II, Kementerian Kebudayaan, 1981. Dan lagi terdapat banyak masjid yang berlantai simen yang ditukangi oleh tukang Jawa, di Negeri Sembilan, menggunakan sistem gotoh.

71. Lihat R. Ismunandar, K., *Joglo, Arsitektur Rumah Tradisional Jawa*, Dahara Prize, Semarang, 1986, hal. 99.

72. Puan Semah Ahmad, 70-an, dari Kg. Nerasau, Rembau dan Hajah Maimunah bt. Manaf, 70-an, dari Kg. Selemak, Rembau, tuan rumah kajian no. (2). Rumah Puan Semah, berumur kira-kira 250 tahun, (sudah dirobohkan pada tahun 1975), ditukangi oleh moyangnya, seorang Jawa. Tiang gantung rumah itu masih terpelihara. Rumah Puan Maimunah pula tukangnyanya orang Jawa.




1. Lukisan khayalan Istana Sultan Mansur Syah oleh Choong Fung Kwai, 1963.



2. Lukisan khayalan Istana Sultan Mansur Syah oleh M. D. Sherwin, 1981. Gambar 1 dan 2 disalin daripada *JMBRAS*, Jil. LIV, 1981, hal. 2-3.





3. Lukisan khayalan Istana Sultan Mansur Syah oleh penulis sendiri, 1983. Berdasarkan lukisan inilah model istana itu dibuat dan seterusnya pelan rasmi dilukis oleh arkitek PKNM (Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka).



4. Rumah Negeri Sembilan.

5. Rumah Melaka.







6. Tiang gantung sebelah dalam dekat pintu bilik dan tiang tengah
 (1) lantai loteng (2) gotoh (3) kasau jantan (4) tiang gantung
 (5) tiang tengah.

7. Satu lagi variasi tiang gantung.




8. Fungsi estetik; kebanyakannya berukir dengan indah.







9. Rumah lontik di Bangkinang, Kampar. Kanan, hujung padi. Lihat bumbungnya yang bertingkat.



10. Ukiran imej perahu pada sudut-sudut rumah lontik.




11. Sebuah kampung Minangkabau. Terdapat kolam atau 'tabek' tempat memelihara ikan dan sebuah tandas tanpa atap.



12. Model Istana Pagarruyung di Padang Siminyak. Sembilan ruang 11 gonjong, atap ijuk, beranjung, bertingkat tiga dan berkemuncak. Langgam Koto-Piliang.


13. Rumah gadang Pak Zainudin Akit di Paya Kumbuh, suku Bendang. Lihat pagedan tingkapnya lentik seperti bentuk perahu. Langgam Bodi-Caniago.





14. Rangkiang.

15. Rumah telapak Dato^s Akhir (Undang Rembau ke-14),
Kg. Pulau Hanyut, Rembau.






16. Rumah Hajah Maimunah, Kg. Selemak, Rembau.

17. Rumah Dato' Kando Dinar Kg. Seberang Bukit Peran, Seri Menanti.







18. Ukiran dinding dan bendul puruk-puruk, tiang gantung dan sebahagian dinding serambi di rumah Dato' Akhir.


19. Ukiran jenang pintu masuk ruang tengah rumah serta lambai-lambai pintu dan sebelah dinding kambi rumah Dato' Akhir.

20. Ukiran kepala tangga serambi rumah Dato' Akhir.






21. Pahatan tulisan tuan rumah:
Hj. Kassim bin Hj.
Mohd Ali, Tarikh
H 1277.




22. Ukiran-ukiran kambi pintu serambi, kambi dinding, tiang serambi dan tingkap pengedan rumah Hajjah Maimunah.

23. Ukiran kambi dinding serambi. Setiap keping diuntukkan bagi seorang tamu duduk.



24. Ukiran daun pintu bilik dan lambai-lambainya, juga bahagian atas pintu.




25. Rumah
Dato' Ulu Muar
Bongkok,
Kg. Purun,
Tanjung Ipoh.



26. Rumah
Encik Karim bin
Sahal, Kg. Renal,
Batu 21, Kuala
Kelawang,
Jelebu.



27. Rumah Dato'
Kelana Maamor,
Kg. Pantai
Seremban.





28. Rumah Puan Embok, Linggi, Negeri Sembilan.



29. Rumah Tuan Hj. Ahmad bin Hj. Yatim, Kg Ramuan China Kecil, Lubok China, Melaka.



30. Rumah Puan Saniah bt. Suki, Kg. Sasapan Batu Rembau, Beranang, Selangor Darul Ehsan.





31. Istana Lama Seri Menanti, siap 1908; 15 ruang, besar dan mempunyai lengkap ciri-ciri rumah Melayu.




32. Rumah kediaman yang beranjung, berumah tangga dan bertangga batu.

33. Kediaman YTM Undang Rembau Hj. Adnan; rumah moden memakai gonjong persis rumah Minang moden.





34. Rumah bentuk limas moden. Bentuk sudah berubah tetapi tataruangnya masih ada ciri-ciri tradisional Melayu.



35. 'Teratak Perpatih' (Muzium Negeri Sembilan). Terlalu banyak gonjong.

36. Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan. Gonjongnya persis bangunan di Sumatera Barat.





37. Ukiran kepala tangga Istana Ampang Tinggi (asal Kuala Pilah).




38. Ukiran kepala tangga sebuah rumah tua di Ulu Pilah.

39. Ukiran kepala tangga rumah Undang Datuk Serun bin Sidin, Kg. Tanah Datar, Cengkau, Rembau.

40. Ukiran kepala tangga sebuah rumah tua di Kg. Legung Ulu, Kota, Rembau.







41. Ukiran tupai-tupai rumah telapak Tuan Hj. Ibrahim, Kg. Seri Lemak, Rembau.




42. Ukiran tupai-tupai rumah Dato' Bandar, Kg. Legung Ulu, Kota, Rembau.

43. Ukiran tupai-tupai rumah di Kg. Astana Raja, Kota, Rembau. Lihat tingkap pengedannya berkisi-kisi, satu ciri utama serambi rumah tradisional Negeri Sembilan.

44. Ukiran tupai-tupai Istana Ampang Tinggi, Taman Seni Budaya, Seremban.







45. Ukiran bahagian tiang gantung Ustano Pagarruyung.



46. Ukiran tiang di Muzium Bundo Kandung, Bukit Tinggi.



47. Ukiran di bahagian hadapan rumah gadang di Taman Mini, Jakarta.




48. Ukiran Minang di rumah contoh Taman Seni Budaya, Seremban.




49, 50 dan 51. Ukiran-ukiran pada kayu nisan kubur lama di sebuah pemakaman diraja lama di pinggir Sungai Siak, Pekanbaru, Riau.




52. Ukiran pada tangga-tangga rumah Undang Dato' Akhir, Pulau Hanyut, Rembau. Lihat persamaan motifnya.






53. Ukiran Minangkabau pada singok (tabir layar) anjung sebuah hotel di Bukit Tinggi, Sumbar.



54. Ukiran selembayung pada bumbung rumah Riau.



55. Atap rumbia dan atap nipah. Perhatikan perbedaannya.